


**NILAI-NILAI MORAL DALAM CERITA RAKYAT “LEGENDA BUKIT
BAGAHAK” MENGGUNAKAN PENDEKATAN MORAL**

AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ

UNIVERSITI



MALAYSIA



IJAZAH SARJANA MUDA

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**NILAI MORAL DALAM CERITA RAKYAT “LEGENDA BUKIT BAGAHAK”
MENGUNAKAN PENDEKATAN MORAL**

AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ

**LAPORAN PENYELIDIKAN YANG DIHANTAR SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN UNTUK PENGANUGERAHAN IJAZAH
SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
ISI KANDUNGAN	i-ii
PENGHARGAAN	iii
SENARAI RAJAH	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
BAB SATU: PENDAHULUAN	
1.0 Pendahuluan	1-2
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Metodologi Kajian	5-6
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.8 Definisi Operasional	7-8
1.9 Penutup	8
BAB DUA: SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.0 Pengenalan	9
2.1 Nilai Moral dalam cerita rakyat terpilih	10-20
2.2 penggunaan teori pengkaedahan melayu	21-22
Berfokuskan pendekatan moral	
2.3 Aspek kehidupan manusia melalui cerita rakyat	23-27
2.4 unsur sejarah dalam legenda	27-31
2.5 Penutup	32
BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN	
3.0 pengenalan	33
3.1 kaedah kajian	33
3.1.1 Temu Bual	33-34

3.1.2	Kepustakaan	34
3.2	Teori Pengkaedahan Melayu	35
3.2.1	Pengkaedahan Alamiah	35
i	Pendekatan Gunaan	36
ii	Pendekatan Moral	36
iii	Pendekatan Firasat	36-37
3.2.2	Pengkaedahan Keagamaan	37
i	Pendekatan Dakwah	37
ii	Pendekatan Kemasyarakatan	37-38
iii	Pendekatan Seni	38
3.3	Kerangka Konseptual	39
3.4	Penutup	40

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	41
4.1	Nilai-nilai Moral	41
4.1.1	Nilai Taat Setia	42-44
4.1.2	Nilai Tolong-menolong	44-47
4.1.3	Nilai Kebijaksanaan	47-50
4.1.4	Nilai Bermuafakat	50-53
4.1.5	Nilai Bersyukur	53-56
4.1.6	Nilai kasih Sayang	56-59
4.1.7	Nilai Menepati Janji	59-61
4.1.8	Nilai Baik Hati	61-63
4.1.9	Nilai Merendah Diri	63-65
4.1.10	Nilai Persahabatan	65-67
4.2	Kesimpulan	67

BAB LIMA: RUMUSAN DAPATAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	68
5.1	Rumusan Dapatan	68-70
5.2	Cadangan	71-73
5.3	Kesimpulan	73-74
SENARAI RUJUKAN		75-77
LAMPIRAN		78-87

SENARAI RAJAH

NO		HALAMAN
Rajah 1	Kerangka Konsep Kajian	39
Rajah 2	Nilai-nilai Moral	41

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan keizinan darinya, saya dapat menyempurnakan Projek Penyelidikan ini dengan lancar dan jayanya bagi memenuhi sebahagian daripada syarat Pengijazahan Sarjana Muda Pengajian Warisan Elektif Kesusasteraan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Inshaallah, projek penyelidikan ini akan membantu dan memberi manfaat kepada saya terutamanya dari segi pengalaman dan pengetahuan. Saya, Azimah binti Abdul Aziz ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Dr. Nasirin bin Abdillah dan Puan Nur Anis binti Muhammad Apandi kerana telah membimbing saya dan memberikan tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah sastera yang lain iaitu Dr. Nordiana binti Ab Jabar, Ts. Dr. Saipuddin bin Suliman dan juga encik Sudirman bin Kiffli yang turut membantu dalam menyiapkan kajian ini.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu ayahanda encik Abdul Aziz bin Linggam dan bonda Noridah binti Olang yang turut membantu untuk memberi sokongan dalam menyiapkan kerja ini. Tanpa sokongan mereka, mungkin saya tidak dapat menyiapkan kerja-kerja seperti ini. Hal ini kerana, projek penyelidikan ini memerlukan motivasi dan buah fikiran dalam menyiapkannya.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat samada secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Jasa dan bantuan semua pihak yang diberikan kepada saya dalam menyempurnakan kajian ini amatlah dihargai. Semoga Allah merahmati kehidupan kita semua.

NILAI MORAL DALAM CERITA RAKYAT “LEGENDA BUKIT BAGAHAK” MENGUNAKAN PENDEKATAN MORAL

AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ C19A0861

ABSTRAK

Abstrak: Kajian ini adalah untuk menganalisis nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak”. Cerita rakyat adalah cerita yang diwarisi secara turun-temurun kepada satu generasi ke generasi seterusnya. Selain itu, cerita rakyat dikatakan tidak mempunyai pengarang dan dimiliki oleh rakyat. Kajian ini juga ingin memperlihatkan bahawa negeri Sabah mempunyai pelbagai cerita rakyat kerana rakyatnya yang berbeza suku kaum dan etnik dan ingin memperkenalkan cerita rakyat terutamanya di negeri Sabah kerana masih belum banyak masyarakat yang mengetahui cerita rakyat yang terdapat di negeri tersebut kerana beberapa pengkaji lepas hanya memfokuskan kajian terhadap legenda Mat Salleh. Kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan nilai-nilai moral yang ditonjolkan oleh watak-watak dalam “Legenda Bukit Bagahak”, seterusnya menganalisis nilai-nilai moral yang terdapat dalam “Legenda Bukit Bagahak” menggunakan pendekatan moral. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual, kepustakaan dan teori. Selanjutnya dapatan kajian menunjukkan nilai-nilai moral dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” dapat memperlihatkan watak-watak yang menggambarkan sifat yang berperilaku baik dalam kehidupan mereka dan dapat menjadi pengajaran kepada pendengar dan pembaca apabila membaca cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak”. Justeru itu, cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” merupakan cerita rakyat yang bukan sahaja boleh dijadikan sebagai hiburan masyarakat terutamanya di negeri Sabah tetapi melalui cerita rakyat tersebut juga dapat mendidik masyarakat untuk menjadi lebih bermoral sekiranya diterapkan dari muda lagi.

Kata kunci: Nilai Moral, Cerita Rakyat “Legenda Bukit Bagahak”, negeri Sabah.

MORAL VALUES IN THE FOLK STORY "LEGEND OF BUKIT BAGAHAK" USING A MORAL APPROACH.

AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ C19A0861

ABSTRACT

Abstract: This study is to analyze the moral values found in the folklore "Legend Bukit Bagahak". Folktales are stories passed down from one generation to another. In addition, folklore is said to have no author and is owned by the people. This study also wants to show that the state of Sabah has a diversity of folklore because its people are made up of various races and ethnicities and want to introduce folklore especially in the state of Sabah because there are still not many people who know the folklore that is mentioned because some past researchers only focus on the study of legends Westerners. This study was conducted to discuss the moral values highlighted by the characters in "Legend Bukit Bagahak", then analyze the moral values found in "Legend Bukit Bagahak" using a moral approach. The research method used in this study is using qualitative methods which are interviews, literature and theory. Next, the findings of the study show the moral value in the folk tale "Legenda Bukit Bagahak" can show characters that depict good behavior in their lives and can be a lesson to listeners and readers when reading the folk tale "Legenda Bukit. Bagahak". Therefore, the folk tale "The Legend of Bagahak Hill" is a folk tale that can not only be used as entertainment for the community, especially in the state of Sabah, but through the folk tale can also educate the community to be more moral if applied from a young age.

Keywords: Moral Values, Folklore "Legend of Bukit Bagahak", state of Sabah.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Cerita rakyat adalah sebahagian daripada sastera rakyat yang diperturunkan daripada generasi ke generasi secara tradisi lisan. Hal ini dikatakan demikian kerana, hasil kreatif golongan rakyat desa iaitu masyarakat tani yang sederhana hidupnya ini adalah bertujuan memberi nasihat dan pendidikan secara formal kepada ahli-ahli masyarakat di samping menghibur (Fatimah Md Yasin 1991 menerusi artikel Mohd Fahmi Ismail, et.al, p: 92). Menurut Ismail Hamid (1986) cerita rakyat disampaikan melalui pertuturan dari individu kepada individu yang lain misalnya seorang bapa akan menuturkan kepada anaknya dan begitulah seterusnya. Manakala menurut Mohd Taib Osman (1991) cerita rakyat tidak ada pemilik khusus, tetapi merupakan khazanah yang dimiliki bersama oleh sesuatu masyarakat dan kepunyaan bersama masyarakat itu sendiri dan cerita rakyat wujud merupakan milik bersama. Justeru itu, cerita rakyat pada masa kini telah berjaya dikekalkan dengan menggunakan sistem tulisan demi menjaga sastera lisan.

Selanjutnya, cerita rakyat juga mempunyai beberapa jenis cerita iaitu seperti legenda.

Namun demikian, cerita rakyat dan legenda ini mempunyai perbezaan dalam sesebuah cerita atau peristiwa yang telah berlaku pada zaman dahulu. Cerita rakyat adalah merupakan koleksi cerita-cerita fiksi mengenai manusia atau haiwan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kepercayaan karut dan kepercayaan yang tidak berasas merupakan elemen penting dalam tradisi sesebuah cerita rakyat. Manakala, legenda adalah cerita yang dikatakan bersifat sejarah. Di samping itu, cerita mengenai legenda adalah disampaikan secara lisan pada zaman dahulu. Sebahagian besar kesusasteraan awal bermula adalah diceritakan dalam legenda. Seterusnya, diceritakan semula dalam puisi epik melalui lisan dan kemudian telah ditulis yang dapat menghasilkan karya-karya seperti puisi melalui tulisan.

Seterusnya, negeri Sabah merupakan salah sebuah negeri yang terkenal dengan warisan legenda dan mitos yang menarik. Legenda yang sangat dominan dalam kalangan masyarakat terutamanya adalah legenda Mat Salleh yang sering diperkatakan sehingga ke hari ini. Di samping itu, terdapat juga beberapa warisan legenda lain yang menarik di negeri Sabah seperti Legenda Bukit Bagahak, Legenda Empat Mata, Legenda Telaga Tujuh Kunak, Tuah si Damit dan banyak lagi. Selain itu, negeri Sabah juga merupakan negeri yang berbilang suku kaum oleh demikian setiap suku kaum mempunyai cerita rakyat yang berbeza-beza dan masih dipercayai sehingga ke hari ini. Namun demikian, kajian ini akan meneliti legenda Bukit Bagahak di Kampung Tungku, Lahad Datu Sabah iaitu dengan menggunakan pendekatan nilai moral di bawah teori Pengkaedahan Melayu.

Teori Pengkaedahan Melayu atau *grounded theory* terhasil daripada penyelidikan kualitatif yang didalamnya mempunyai rumusan atau formula yang berupa prinsip - prinsip umum tentang karya atau teks sastera dan amalan-amalan yang berkaitan

dengan kesusasteraan Melayu (Hashim Awang, 2002). Di samping itu, daripada kajian yang telah dilakukan oleh Hashim Awang (2002) beliau telah membina satu teori Pengkaedahan Melayu yang mana melalui teori beliau ini telah dibahagikan kepada dua pengkaedahan iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan yang mana fungsinya saling berkaitan antara satu sama lain. Pengkaedahan tersebut pula dibahagikan kepada beberapa pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Manakala dari segi pengkaedahan keagamaan pula terdapat tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kawulur, J. N. B. (2013: p, 29) menyatakan bahawa cerita rakyat adalah cerita yang diwarisi secara turun-temurun kepada satu generasi ke generasi seterusnya. Selain itu, cerita rakyat dikatakan tidak mempunyai pengarang dan dimiliki oleh rakyat. Cerita rakyat juga dikenali sebagai cerita lisan yang disampaikan oleh seorang penglipur lara iaitu melalui percakapan dan penceritaan. Manakala menerusi Sudarmanto, B. A. (2018: p, 219) menyatakan cerita rakyat adalah sebahagian daripada folklor iaitu sebuah cerita lisan yang murni dan bersifat tradisional. Hugh Holman juga mendefinisikan mitos sebagai cerita-cerita yang menjadi kepercayaan sejak turun-temurun yang berkisarkan tentang kejadian alam dan persepsi manusia terhadapnya.

Selanjutnya, latar belakang merupakan salah satu tempat yang menjadi pilihan untuk membuat kajian. Oleh itu, kajian mengenai nilai-nilai moral dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” menggunakan pendekatan moral, pengkaji telah memilih Kampung Tungku yang terletak di Lahad Datu, Sabah untuk menjalankan kajian tersebut. Kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual dan kepustakaan. Pengkaji juga menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang untuk mengumpul dan menganalisis data kajian. Temu Bual akan melibatkan bekas ketua kampung dan penduduk kampung di daerah Tungku untuk memperoleh maklumat berkaitan legenda di Bukit Bagahak. Hal ini kerana, terdapat beberapa orang lama dan ketua kampung yang masih mengingati peristiwa yang berlaku di Bukit Bagahak tersebut. Oleh demikian, penerangan dan maklumat yang jelas mengenai legenda Bukit Bagahak akan diberikan oleh penduduk kampung terutamanya oleh bekas Ketua Kampung di daerah Tungku tersebut dan beberapa orang waris daripada salah satu legenda dalam bukit Bagahak.

1.2 Pernyataan Masalah

Kebanyakan kajian lepas yang berkaitan dengan cerita rakyat Sabah lebih tertumpu kepada kajian mengenai legenda. Hal ini dapat dilihat iaitu melalui kajian oleh Low Kok On (2001). Juhan Junaidi, Zairul Anuar Md.Dawam dan Rosli Sareya (2021). Jamail Masador, Abdul Halim Ali dan Azhar Wahid (2021). Oleh itu, hal ini menjadi dorongan kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian berkaitan legenda Bukit Bagahak kerana terdapat kelompangan yang perlu diisi dan legenda Bukit Bagahak mempunyai sedikit persamaan dengan legenda Mat Salleh dalam perjuangan mempertahankan hak masyarakat tempatan. Di samping itu, pengkaji mendapati melalui kajian lepas mengenai cerita rakyat Sabah tidak banyak pengkaji-pengkaji terdahulu mengkaji aspek nilai-nilai moral terutamanya dalam legenda. Walaupun cerita rakyat mengenai legenda ini dikenali sebagai cerita yang mempunyai unsur-unsur sejarah tetapi dalam legenda juga dapat dikupas mengenai nilai-nilai moral terutamanya melalui watak-watak yang terdapat dalam legenda tersebut. Justeru itu, kajian ini akan membincangkan mengenai nilai-nilai moral yang terdapat dalam legenda Bukit Bagahak.

Seterusnya, pengkaji juga ingin memperlihatkan bahawa negeri Sabah mempunyai pelbagai cerita rakyat kerana rakyatnya yang berbeza suku kaum dan etnik. Oleh itu, pengkaji juga ingin mengangkat cerita rakyat terutamanya di negeri Sabah kerana masih belum banyak masyarakat yang mengetahui cerita rakyat yang terdapat di negeri tersebut kerana beberapa pengkaji lepas hanya memfokuskan kajian terhadap legenda Mat Salleh. Oleh itu, pengkaji ingin melaksanakan kajian mengenai cerita rakyat "legenda Bukit Bagahak" iaitu salah satu cerita rakyat yang terdapat di daerah Tungku, Lahad Datu, Sabah.

1.3 Persoalan Kajian

Berikut adalah tiga persoalan kajian bagi kajian ini:

- i. Bagaimanakah nilai-nilai moral dapat ditonjolkan oleh watak-watak yang terdapat dalam legenda Bukit Bagahak?
- ii. Bagaimanakah nilai-nilai moral dalam legenda Bukit Bagahak dapat dibincangkan menggunakan Pendekatan Moral?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai tiga objektif kajian iaitu:

- i. Membincangkan nilai-nilai moral yang ditonjolkan oleh watak-watak dalam legenda Bukit Bagahak.
- ii. Menganalisis nilai-nilai moral yang terdapat dalam legenda Bukit Bagahak menggunakan Pendekatan Moral.

MALAYSIA

KELANTAN

1.5 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual, kepustakaan dan teori pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang. Di samping itu, pengkaji juga membuat sesi temu bual bersama ketua kampung dan penduduk kampung daerah Tungku untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan cerita rakyat legenda Bukit Bagahak. Temu bual yang dilakukan adalah dengan menemu bual bekas ketua kampung daerah Tungku iaitu Encik Mokhtar bin Butti yang berumur 67 tahun dan beberapa penduduk kampung untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai legenda Bukit Bagahak. Temu bual yang dilakukan adalah secara berstruktur dan tidak berstruktur. Hal ini dikatakan demikian kerana, soalan-soalan telah disediakan terlebih dahulu. Manakala semasa proses temu bual dijalankan soalan-soalan mengenai isu berbangkit sekiranya dianggap perlu. Oleh demikian, kaedah ini dilakukan oleh pengkaji dengan mengajukan soalan secara serta merta kepada responden. Seterusnya, pengkaji juga menggunakan bahasa yang bersesuaian dan mudah difahami oleh responden semasa menjalankan sesi temu bual. Di samping itu, pengkaji juga mengunjungi perpustakaan cawangan Lahad Datu untuk mengumpul beberapa bahan kajian. Akhir sekali, Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang menerusi pendekatan moral akan digunakan untuk menganalisis nilai-nilai moral dalam legenda Bukit Bagahak.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini adalah menumpukan kepada legenda Bukit Bagahak yang kurang popular dalam kalangan masyarakat jika dibandingkan dengan legenda Mat Salleh. Kajian ini dilakukan di Bukit Bagahak, Kampung Tungku, Lahad Datu, Sabah. Selain itu,

pengkaji membuat sesi temu bual bersama bekas ketua kampung dan beberapa orang waris dalam legenda bukit Bagahak di perkampungan daerah Tungku untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan legenda yang terdapat di Bukit Bagahak. Seterusnya, kajian ini dilakukan adalah memfokuskan kepada nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” iaitu memandangkan nilai-nilai moral dari sudut positif yang ditonjolkan dalam watak-watak yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut.

Oleh demikian, pengkaji akan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang iaitu menggunakan pendekatan moral untuk menganalisis nilai moral yang terdapat dalam legenda Bukit Bagahak . Hal ini kerana, pendekatan moral adalah didasari daripada pendekatan gunaan iaitu sastera berupa kejadian dan objek tetapi merupakan kejadian yang bersifat pengalaman hidup manusia.

1.7 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa faktor yang telah mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian mengenai legenda Bukit Bagahak di daerah Tungku, Lahad Datu, Sabah. Antaranya, pengkaji ingin mengetahui dengan lebih mendalam lagi mengenai kisah disebalik legenda Bukit Bagahak. Hal ini dikatakan demikian kerana, legenda Bukit Bagahak merupakan legenda yang sangat menerapkan nilai moral dalam kehidupan bermasyarakat terutamanya di perkampungan daerah Tungku. Oleh demikian, penting untuk pengkaji mengenalpasti kisah disebalik legenda Bukit Bagahak agar legenda ini tidak dilupakan oleh masyarakat setempat. Justeru itu, pengkaji juga ingin mengangkat legenda Bukit Bagahak untuk dijadikan warisan legenda di negeri Sabah untuk setanding dengan kedudukan legenda Mat Salleh.

1.8 Definisi Operasional

Dalam bahagian ini setiap frasa penting dalam kajian diberi definisi operasional. Hal ini kerana berdasarkan tajuk kajian terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk memberi gambaran jelas, khusus, dan tepat dalam konteks kajian ini. Istilah-istilah yang diberikan definisi ialah sagai dan bulud sung yang merupakan bahasa bagi suku kaum Begak dan Iranun di negeri Sabah.

1.8.1 Pegait atau Sagai

Pengait atau sagai merupakan makna bagi pemburu kepala terutamanya dalam etnik Iranun di Sabah. Menurut *kamus dewan edisi keempat* (2013) Pemburu kepala adalah amalan memancung kepala seseorang selepas membunuhnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, amalan memburu kepala merupakan salah satu tradisi pada zaman dahulu yang pernah diamalkan dalam kehidupan iaitu oleh masyarakat borneo. Seterusnya, menurut ketua kampung daerah Tungku iaitu encik Mokhtar bin Butti, kepercayaan terhadap pemburuan kepala manusia adalah untuk memberi kebaikan atau rezeki terutamanya dalam penanaman padi pada zaman dahulu.

1.8.2 Bulud Sung

Bulud adalah bahasa suku kaum Iranun yang bermaksud lubang. Menurut *kamus dewan edisi keempat* (2017), lubang merupakan bahagian pada sesuatu yang boleh ditembusi oleh sesuatu bahan. Manakala maksud sung pula adalah sejenis yang mempunyai bentuk seperti lesung. Oleh itu, bulud sung merupakan lubang yang berbentuk lesung.

1.9 Penutup

Warisan legenda yang menarik di negeri Sabah seperti legenda Bukit Bagahak haruslah dipelihara dengan usaha yang lebih giat. Di samping itu, masyarakat dan pihak yang berkenaan haruslah saling berganding bahu antara satu sama lain, hal ini kerana cerita rakyat sangat berpotensi dibangunkan untuk mengekalkan warisan kepada generasi akan datang. Di samping itu, legenda Bukit Bagahak perlu diberikan perhatian agar dapat setanding dengan warisan legenda yang terdapat di negeri Sabah dan negeri-negeri lain yang mempunyai warisan legenda sebagai contohnya di Pulau Langkawi. Selain itu, penting untuk mengenalpasti kisah disebalik legenda Bukit Bagahak agar tidak menimbulkan persoalan dan keaburan mengenai legenda Bukit Bagahak kepada masyarakat dan pengkaji dalam meneliti kajian mengenai cerita rakyat tersebut. Natiujahnya, kajian ini akan mengenalpasti nilai-nilai moral dan menganalisis nilai-nilai moral yang terdapat dalam kisah disebalik legenda Bukit Bagahak

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Beberapa kajian lepas banyak tertumpu kepada nilai moral dan pengaplikasian pendekatan moral dalam cerita rakyat. Manakala kajian mengenai legenda dalam cerita rakyat tidak banyak yang didapati oleh pengkaji terutamanya dalam aspek nilai moral. Selain itu, pengkaji juga telah membuat tinjauan lepas terhadap beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas iaitu di dalam negara dan diluar negara. Oleh itu, perbincangan yang terdapat dalam bab ini akan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu kajian nilai moral dalam cerita rakyat terpilih, aspek kehidupan manusia melalui cerita rakyat, unsur sejarah dalam legenda dan pendekatan moral dalam cerita rakyat.

2.1 Sorotan Kajian Nilai Moral dalam Cerita Rakyat Terpilih

Yaacob, M.F.C dan Rahim, N.A (2014) dalam kajiannya iaitu “Cerita Rakyat Membentuk Akhlak Kanak-Kanak Yang Positif Melalui Nilai Murni” telah membincangkan tentang pembentukan nilai murni dalam diri kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang

terkandung dalam cerita rakyat. Kajian ini juga dijalankan menggunakan *Buku koleksi himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* untuk dijadikan batasan kajian oleh penyelidik. Oleh demikian, hasil kajian yang diperoleh adalah memperlihatkan Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia memaparkan akhlak positif yang boleh dicontohi dan diikuti oleh kanak-kanak untuk membentuk nilai murni dalam kehidupan mereka. Selain itu, buku yang digunakan juga membuktikan bahawa cerita rakyat yang terkandung dalam buku tersebut memainkan peranan penting dan menyumbang bukan sahaja kepada pembacanya tetapi juga kepada generasi muda untuk melahirkan generasi yang mengamalkan nilai-nilai murni di persekitaran mereka. Tambahan pula, perwatakan positif kanak-kanak melalui nilai-nilai murni juga dapat dilihat dalam buku-buku yang dipelajari, seperti hormat-menghormati, tolong-menolong, kerajinan, kesepakatan, keberanian, kasih sayang dan kejujuran. Hal ini akan memudahkan pembentukan akhlak yang positif dalam diri kanak-kanak. Natiyahnya cerita rakyat yang mempunyai unsur nilai murni memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang, baik muda mahupun tua.

Yaacob, M.F.C , Abdillah, N, Ab. Ghani M. I, Shahrudin, S. N, dan Apandi, S. N. A. M (2017) dalam kajian “Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu” telah membincangkan cerita rakyat Melayu yang telah wujud sejak zaman dahulu dan merupakan warisan turun temurun dari satu generasi ke satu generasi seterusnya. Selain itu, melalui cerita rakyat Melayu juga dapat melihat keunikan tersendiri kerana setiap bangsa mempunyai cerita rakyat yang berbeza dalam budayanya. Disamping itu, dapatan yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam teks himpunan 366 cerita rakyat di Malaysia dan sebahagian daripada cerita rakyat yang dipilih dalam kajian ini menunjukkan bahawa cerminan moral yang positif dalam cerita rakyat Melayu sehingga kini masih digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menjaga kesejahteraan hidup. Oleh itu, akhlak yang positif

bukan sahaja dapat membentuk peribadi seseorang ke arah yang lebih baik malah dapat meningkatkan kehidupan manusia.

Yaacob, M. F.C (2021) dalam kajian “Nilai-nilai Murni Dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan” telah membincangkan kisah-kisah legenda yang mempunyai unsur-unsur dongeng sejarah yang berkaitan dengan tokoh dan tempat dalam masyarakat tempatan suatu ketika dahulu. Hal ini dapat dilihat, kajian yang dilakukan oleh penulis adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita-cerita legenda yang terdapat di lembangan sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Hal ini dikatakan kerana masyarakat hari ini tidak mempedulikan kewujudan legenda yang mempunyai banyak nilai murni yang telah wujud sejak zaman dahulu. Oleh itu, hasil kajian yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan bahawa penemuan nilai-nilai murni dalam cerita legenda yang terdapat di lembangan sungai Pengkalan Datu, Kelantan telah diketahui sehingga dapat membantu masyarakat masa kini khususnya masyarakat Melayu di Kelantan untuk mengetahui kewujudan legenda di lembangan sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Antara nilai murni yang terdapat dalam legenda yang terdapat di lembangan Sungai Pengkalan Datu ialah seperti hormat-menghormati, baik hati dan kasih sayang. Selain itu, nilai-nilai murni yang terkandung dalam penyelidikan ini perlu dititikberatkan kepada generasi kini agar tidak dirmakan usia. Oleh itu, nilai-nilai murni yang terkandung dalam legenda tersebut juga boleh dijadikan panduan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Ismail, M.F, Muhammad, S.J.N dan Yusop, M.S (2015) dalam kajian “Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu” telah membincangkan tentang nilai jati diri yang terkandung

dalam cerita rakyat Melayu. Dikatakan demikian kerana cerita rakyat merupakan satu genre sastera yang popular di kalangan segelintir masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Namun, pada masa kini cerita rakyat Melayu semakin dilupakan oleh masyarakat kerana terpengaruh dengan teknologi moden yang semakin berkembang dalam kehidupan masyarakat Melayu. Selain itu, masyarakat hari ini menganggap cerita rakyat hanya membuang masa dengan membaca cerita rakyat yang sudah lapuk. Oleh itu, pengarang menyedari bahawa cerita rakyat amat penting dalam kehidupan manusia dan harus dikekalkan dalam kehidupan masa kini. Seterusnya, kajian ini adalah untuk mengembalikan jati diri yang menjadi tunjang utama khususnya bagi menggambarkan budaya masyarakat Melayu melalui cerita rakyat. Hal ini kerana cerita rakyat yang disampaikan secara lisan mempunyai pengajaran dan pedoman dalam kehidupan manusia. Disamping itu, kajian ini menggunakan teori ekologi budaya untuk mengadaptasi cerita rakyat Melayu.

Yaacob, M.F.C dan Rahim, N.A (2016) dalam kajian “Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu” telah membincangkan nilai budi melalui cerita rakyat Melayu kerana berkaitan dengan kehidupan masyarakat Melayu khususnya pada zaman dahulu. Selain itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu yang ingin diteliti oleh pengkaji. Oleh itu, hasil kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa nilai baik hati amat penting terutamanya dalam mendidik akhlak bangsa Melayu dan dalam kehidupan seharian manusia sehingga ke hari ini. Disamping itu, pembentukan nilai moral dalam diri seseorang mencerminkan imej dan tingkah laku peribadi seseorang. Selain itu, cerita rakyat Melayu dapat membuka wawasan manusia sekiranya ia disampaikan dengan olahan yang betul dan dapat diingati oleh masyarakat sehingga kini. Kajian ini juga menggunakan teori yang bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu menggunakan

metodologi teori Melayu. Justeru, cerita rakyat Melayu mempunyai peranan yang amat penting dalam kehidupan masyarakat Melayu kerana hampir kesemua cerita rakyat Melayu menunjukkan nilai-nilai murni yang boleh dicontohi oleh masyarakat khususnya generasi muda masa kini.

Low K.O (2001) dalam kajian “Citra Wira Rakyat Dalam Legenda Mat Salleh” telah membincangkan kajian pemahaman terhadap ketokohan watak Mat Salleh melalui kaedah kajian sastera rakyat. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengetahui persepsi penduduk setempat terhadap Mat Salleh. Hal ini dikatakan demikian kerana, kisah lagenda Mat Salleh masih diperkatakan oleh penduduk tempatan di negeri Sabah. Selain itu, kisah lagenda Mat Salleh sangat popular kerana beliau bukan anak tempatan tetapi masih memperjuangkan negeri Sabah. Oleh itu, penulis mengumpul data tentang perjuangan yang dilakukan oleh Mat Salleh dan mendokumentasikannya agar lagenda tentang Mat Salleh tidak dilupakan begitu sahaja. Ini kerana penduduk setempat hanya menceritakan secara lisan perjuangan Mat Salleh dalam hidup mereka. Kisah lagenda Mat Salleh juga merupakan salah satu cerita rakyat yang digemari oleh masyarakat setempat. Oleh itu, hasil kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa lagenda Mat Salleh bukan sahaja dianggap sebagai hero dalam pelbagai kaum di Sabah tetapi juga amat disanjung oleh masyarakat setempat dan dianggap mempunyai "superhuman". Justeru dapat dilihat bahawa perjuangan Mat Salleh di negeri Sabah telah memberi impak yang sangat positif kepada kehidupan penduduk tempatan untuk memperjuangkan tanah air. Natijahnya, lagenda Mat Salleh harus menjadi pendorong semangat orang ramai agar tidak mudah berputus asa.

Bandan, A.H.B (1999) dalam kajian “Cerita Rakyat Kaum Bajau Semporna, Samah: Suatu Analisis Citra Masyarakat” telah membincangkan tentang cerita rakyat orang

Bajau yang berada di mukim Semporna. Tambahan pula, dalam menjalankan kajian cerita rakyat Bajau, penulis menggunakan sebanyak 15 cerita sebagai sampel kajian untuk lebih memahami corak sosiologi yang terdiri daripada unsur-unsur sosial dari segi kepercayaan, kerja, penggunaan masa, tingkah laku, keselamatan awam, pemikiran, akhlak, keluarga, cita-cita, alam sekitar, agama, unsur politik dan ekonomi masyarakat Bajau. Hal ini kerana negeri Sabah mempunyai pelbagai etnik seperti suku kaum Bajau. Oleh itu, setiap suku kaum mempunyai adat resam yang berbeza mengikut kepercayaan masing-masing. Seterusnya, kajian ini turut dianalisis menggunakan pendekatan teori sosiologi. Oleh itu, hasil kajian yang diperoleh daripada informan di Mukim Semporna menunjukkan masyarakat Bajau mempunyai keunikan tersendiri yang dapat dilihat melalui 15 cerita rakyat. Namun begitu, suku kaum Bajau juga mempunyai ciri yang hampir sama dengan masyarakat Melayu kerana, ia dapat dilihat melalui adat istiadat ketika berkahwin dan kematian.

Yaacob, M.F.C (2015) dalam kajian "Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia" telah mengkaji aspek nilai murni dalam cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku-buku yang dikaji oleh pengarang. Selain itu, kajian ini juga memaparkan cerita rakyat Melayu yang kaya dengan nilai-nilai murni yang dapat membentuk tingkah laku orang Melayu dalam kehidupan tanpa membezakan bangsa dan agama kerana, nilai murni membolehkan masyarakat bersatu. Oleh itu, dapat dilihat nilai murni amat penting bagi masyarakat dan dapat mencerminkan keperibadian rakyat melalui buku seuntai himpunan 366 cerita rakyat Malaysia. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif sebagai garis panduan untuk menganalisis kajian nilai murni dalam cerita rakyat Malaysia. Oleh itu, hasil kajian menunjukkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam koleksi 366 cerita rakyat Malaysia ini sangat mendidik dan menjadi pedoman dalam kehidupan masyarakat. Oleh demikian dapat dilihat bahawa nilai-nilai murni sangat berpengaruh dalam

kehidupan manusia, kerana ia dapat menyediakan platform yang membawa kepada kepositifan dalam masyarakat. Natijahnya, kehidupan masyarakat di Malaysia menitikberatkan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka.

Rinyuk, F.A (2017) dalam kajian “Nilai-Nilai Moral dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian” telah membincangkan tentang nilai-nilai murni dalam cerita rakyat Bidayuh di daerah Serian Sarawak. Dalam kajian ini, penulis menggunakan tiga objektif untuk menganalisis cerita rakyat yang terdapat dalam suku kaum Bidayuh. Disamping itu, kaedah ini digunakan untuk memudahkan pengkaji mengetahui nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat. Dikatakan kerana nilai moral dalam cerita rakyat Bidayuh dapat menunjukkan bahawa masyarakat Bidayuh masih mengutamakan nilai moral dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, pengkaji juga menjalankan kajian ini kerana kajian berkaitan nilai moral dalam cerita rakyat Bidayuh tidak pernah dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Oleh itu, pengkaji ingin meneliti dengan lebih mendalam tentang cerita rakyat masyarakat Bidayuh. Tambahan pula, hasil kajian yang diperoleh menunjukkan nilai moral dalam cerita rakyat amat penting untuk ditonjolkan dalam kehidupan masyarakat khususnya dalam suku Bidayuh. Dengan itu dapat dilihat nilai-nilai moral dapat membentuk keperibadian sesuatu bangsa dan untuk menjadi lebih berakhlak dalam kehidupan.

Hanafi, M.N.A.M dan Yaacob, M.F.C (2021) dalam kajian “Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah” telah membincangkan nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam cerita rakyat iaitu melalui cerita lisan. Hal ini dapat dilihat, orang Melayu sering menceritakan nilai-nilai yang perlu dicontohi oleh generasi mereka melalui cerita lisan, kerana diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Selain itu, kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan dua objektif iaitu

mengenal pasti dan menganalisis nilai kemanusiaan bagi memudahkan penyelidik. Hal ini demikian kerana, nilai-nilai kemanusiaan harus dikaji dengan lebih mendalam tentang masyarakat suatu masa dahulu. Oleh itu, penulis menggunakan teori takmilah untuk mengukuhkan huraian dan analisis yang telah ditemui dalam cerita lisan. Disamping itu, kajian ini mendapati beberapa nilai kemanusiaan seperti merendah diri, baik hati, pemurah, hormat menghormati dan memaafkan. Oleh itu, melalui hasil kajian yang diperolehi penulis menunjukkan bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan nilai kemanusiaan dalam kehidupan mereka dan melalui cerita rakyat juga menggambarkan bahawa nilai kemanusiaan merupakan aspek yang sering dititikberatkan oleh masyarakat untuk mendidik mereka. generasi.

Hedel, N.E.F dan Subet, M.F (2020) dalam kajian “Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nahkoda Muda”: Analisis Semantik Inkuisitif” telah membincangkan tentang peristiwa aneh yang terkandung dalam "hikayat nahkoda muda". Dikatakan demikian kerana, kejadian aneh sering dikaitkan dengan cerita rakyat. Oleh itu, pembaca dan pendengar akan berasa seronok dan lebih berminat untuk mendengar cerita-cerita yang mempunyai kejadian aneh tanpa rasa jemu. Oleh demikian, penulis mengkaji kejadian aneh yang terkandung dalam cerita rakyat "Hikayat nahkoda muda". Kajian ini juga dijalankan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif dan menggunakan pendekatan Rangka Rujuk Silang. Tambahan pula, melalui kajian cerita rakyat yang terdapat dalam “hikayat nahkoda muda” terdapat 10 kejadian aneh yang tidak diketahui oleh sesetengah orang kerana, kejadian aneh ini bersifat tersirat yang perlu dikaji dengan lebih mendalam. Oleh itu, hasil kajian yang telah diperolehi menunjukkan pendekatan yang digunakan amat membantu dalam membongkar kejadian aneh yang pernah berlaku dalam “hikayat nahkoda muda”.

Masador, J, Ali, A.H dan Wahid, A (2021) dalam kajian “Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang di Sabah” telah membincangkan tentang cerita-cerita rakyat yang sering diceritakan dari zamandahulu lagi iaitu secara turun-temurun dalam etnik suku kaum kimaragang. Hal ini dapat dilihat, setiap bangsa dan suku kaum mempunyai cerita rakyat yang mempunyai keunikannya tersendiri. Dalam kajian ini, cerita-cerita rakyat yang terdapat dalam sukukaum kimaragang adalah sering dikaitkan dengan sosiobudaya, falsafah, dan gambaran nilai kepahlawanan dalam kehidupan mereka. Hal ini kerana, setiap kaum mempunyai perbezaan dari pelbagai aspek terutamanya suku kaum di Sabah. Namun begitu, cerita rakyat dalam suku kaum kimaragang semakin dilupakan oleh anak mudapada zaman sekarang. Hal ini dikatakan demikian kerana, generasi muda merupakan generasi yang tidak gemar membaca kerana kehidupan mereka telah dipengaruhi oleh teknologi. Di samping itu, sesetengah anak muda menganggap cerita rakyat sebagai cerita yang sudah ketinggalan zaman dan ada juga menganggap sebagai cerita yang tidak logik dalam kehidupan. Oleh demikian, kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui nilai-nilai kepahlawanan yang terdapat dalam etnik kimaragang. Hasil dapatan kajian yang telah diperoleh menunjukkan bahawa elemen kepahlawanan dalam suku kaum kimaragang sangat penting untuk menjaga kehormatan diri mereka serta nilai kepahlawanan juga adalah untuk menjaga suku kaum mereka agar sentiasa hidup dalam keadaan yang harmoni dan sejahtera.

Yaacob, M.F.C dan Abdillah, N (2017) dalam kajian “Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi TeoriPengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu” telah membincangkan tentang cerita-cerita rakyat yang penuh dengan nilai murni terutamanya dalam cerita rakyat Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita rakyat Melayu merupakan suatu khazanah yang sangat penting dan bernilai kepada masyarakat Melayu untuk

menggambarkan corak kehidupan mereka. Selain itu, melalui kajian yang dilakukan oleh penulis dapat membantu pembaca untuk mengetahui isi kandungan yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu yang penuh dengan nilai-nilai murni. Hal ini dapat dilihat dari segi kebudayaan, sejarah, pengalaman hidup, adat istiadat dan cita-cita dalam masyarakat Melayu. Selain itu, setiap aspek dalam kehidupan masyarakat Melayu dikaitkan dengan nilai-nilai murni. Di samping itu, kajian ini juga dilakukan adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai kasih sayang dan keadilan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Hal ini kerana, masyarakat Melayu sangat menitikberatkan nilai-nilai murni terutamanya kasih sayang dan keadilan dalam kehidupan mereka. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa cerita rakyat Melayu merupakan cerita rakyat yang penuh dengan nilai-nilai murni yang dapat memberi pengajaran dan pedoman kepada masyarakat pada masa kini.

Yaacob M.F.C (2021) dalam kajian “Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang” telah membincangkan tentang cerita legenda iaitu perjuangan Cik Siti Wan Kembang yang dipandang tinggi dan sangat akrab dengan kehidupan masyarakat Melayu di Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana, Cik Siti Wan Kembang ialah Wanita yang menakluki gunung Chinta Wangsa, Ulu Kelantan sebagai Kawasan naungan beliau. Selain itu, cerita rakyat Cik Siti Wan Kembang mempunyaibanyak nilai murni yang terkandung dalam kisah legendanya. Hal ini dapat membantu masyarakat untuk mencontohi nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut untuk menjadikan sebagai panduan dan pengajaran kepada masyarakat dan generasi seterusnya. Seterusnya, kajian ini menggunakan dua objektif iaitu mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam cerita Cik Siti Wan Kembang. Oleh demikian, untuk memudahkan kajian ini dilakukan, penulis telah menggunakan teori yang bersesuaian dengan cerita rakyat dengan menggunakan pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral yang bersesuaian dengan nilai-nilai murni. Hasil dapatan kajian ini

memperlihatkan cerita rakyat Cik Siti Wan Kembang ini mempunyai banyak nilai murni yang boleh menjadi panduan dalam hidup masyarakat terutamanya masyarakat Melayu di Kelantan.

Kembaren, M.M, Nasution, A.A dan Lubis, M.H (2020) dalam kajian “Cerita Rakyat Melayu Sumatra Utara Berupa Mitos dan Legenda dalam Membentuk Kearifan Lokal Masyarakat” telah membincangkan tentang cerita rakyat Melayu lama terutamanya yang berunsur mitos dan legenda. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita yang berunsur mitos dan legenda adalah cerita rakyat yang dituturkan secara lisan dan disampaikan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Selain itu, kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis mengenai beberapa legenda dan mitos yang masih dipertahankan oleh orang Melayu di Sumatra Utara dan kearifan lokal yang dipengaruhi oleh cerita rakyat. Oleh demikian, hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa cerita rakyat yang berunsur mitos dan legenda masih disanjung tinggi oleh masyarakat Melayu di Sumatra Utara sehingga mewujudkan pelestarian cerita rakyat lisan yang berunsurkan mitos dan legenda yang boleh memberi kebaikan kepada masyarakat Melayu pada masa kini.

Adnan, T.S.N.S.T dan Yaacob M.F.C (2021) dalam kajian “Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan” telah membincangkan tentang akal budi yang terdapat dalam naratif lisan dalam kalangan penduduk di Kota Bharu, Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana, naratif lisan merupakan peringkat awal dalam mendidik kanak-kanak untuk memndedahkan mengenai adat resam, kebudayaan dan pantanglarang masyarakat Melayu. Selain itu, akal budi juga menggambarkan pemikiran yang sihat dalam kehidupan masyarakat terutamanya penduduk kampung di Kota Bharu, Kelantan. Di samping itu, itu, penulis

menggunakan teori pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan kemasyarakatan untuk mengenalpasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan penduduk di Kota Bharu, Kelantan. Seterusnya, untuk mendapatkan cerita rakyat mengenai akal budi dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan, penulis telah menebual beberapa penduduk kampung di Kawasan jajahan tersebut untuk mengetahui dan mendapatkan maklumat mengenai cerita rakyat tersebut. Oleh demikian, hasil dapatan kajian menyatakan bahawa akal budi dalam naratif lisan tidak asing bagi masyarakat Melayu di Kelantan untuk digunakan dalam kehidupan harian mereka.

Daud, M.Z dan Subet, M.F (2021) dalam kajian “Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik” telah membincangkan tentang makna tersirat iaitu dalam sastera rakyat Melayu Sarawak iaitu mengenai cerita rakyat mengenai Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang yang telah mempertalikan politik tempatan di negeri Sarawak. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk menganalisis impikatur yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut dengan menggunakan analisis pragmatik iaitu teori yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson iaitu teori Relevans. Di samping itu, naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang ini merupakan cerita rakyat yang berunsur anak dewa yang turun ke negeri Sarawak. Seterusnya, hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa cerita rakyat mengenai Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang itu mempunyai makna tersirat dan mempunyai pengajaran serta sindiran kepada masyarakat dan keadaan politik tempatan. Oleh demikian, kisah antara Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang haruslah di ambil pengajaran oleh masyarakat terutamanya masyarakat di negeri Sarawak.

Hanafiah, M.N.A.H.M dan Yaacob, M.F.C (2020) dalam kajian “Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu” telah membincangkan tentang corak kehidupan mengenai masyarakat dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana, kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu mementingkan nilai-nilai islam dan pembentukan akhlak dalam kehidupan mereka. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti dan menganalisis mengenai nilai-nilai islam dalam cerita rakyat Melayu dan pembentukan akhlak dalam kehidupan harian mereka. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan teori takmilah untuk disesuaikan dengan nilai-nilai islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. Hasil dapatan yang diperoleh daripada kajian ini menunjukkan masyarakat Melayu pada zaman dahulu sangat mementingkan nilai-nilai islam dalam cerita rakyat bagi memberi pendedahan kepada generasi mereka serta membina masyarakat yang berkakhlak mulia tidak kira tua atau muda.

Wiguna, M.Z dan Alimin, A.A (2018) dalam kajian “Analisis Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita Rakyat Kalimantan Barat” telah membincangkan tentang nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat Kalimantan Barat. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita rakyat yang terdapat dalam tajuk kajian menerapkan nilai-nilai moral dalam pelbagai aspek. Hal ini dapat dilihat melalui dua kategori iaitu nilai moral yang berhubungan dengan diri sendiri dan nilai moral yang berkaitan dengan hubungan sesama manusia. Oleh demikian, dapat dilihat bahawa penerapan nilai moral dalam cerita rakyat yang terdapat dalam Kalimantan Barat memperlihatkan bahawa budaya yang terdapat dalam kaum tersebut sangat menitikberatkan aspek nilai moral sebagai pengangan hidup mereka. Selain itu, berdasarkan analisis kajian yang telah dilakukan terhadap enam cerita rakyat yang terdapat dalam Kalimantan Barat menunjukkan bahawa penerapan nilai moral adalah sangat penting dalam kehidupan mereka. Oleh itu, hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa nilai-nilai moral yang terkandung

dalam cerita rakyat Kalimantan Barat masih dipercayai sehingga ke hari ini dalam masyarakat mereka.

Ratnawati (2021) dalam kajian “Nilai Moral Dalam Cerita Rakyat Gunung Tangkuban Perahu Versi Kuningan” telah membincangkan tentang cerita rakyat yang terdapat di Kabupaten Kuningan. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita rakyat yang terdapat dalam gunung tangkuban perahu versi kuningan mempunyai unsur-unsur nilai moral dalam kehidupan. Selain itu, nilai-nilai moral juga dianggap sebagai pengajaran dalam masyarakat mereka. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dalam menjalankan kajian. Oleh demikian, hasil dapatan kajian memperlihatkan nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat “Gunung Tangkuban Perahu Versi Kuningan” terdapat tiga pesan nilai moral iaitu dalam persoalan hukum, penyimpangan seksual dan pemertahanan ekologi masyarakat Sunda. Justeru itu, dapat dilihat bahawa penerapan nilai moral dalam cerita rakyat gunung tangkuban perahu versi kuningan meliputi pelbagai aspek dalam kehidupan.

Natijahnya, dapat dilihat melalui sorotan kajian lepas mengenai nilai moral dalam cerita rakyat terpilih ini membantu pengkaji untuk mengetahui bagaimana nilai moral dapat dikupas melalui cerita rakyat. Justeru itu, melalui kajian lepas ini juga dapat dilihat nilai-nilai moral dalam cerita rakyat memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat dari zaman dahulu sehingga sekarang.

2.3 Sorotan Kajian Pendekatan Moral dalam Cerita Rakyat

Selamat, J.H (2012) dalam kajian “Analisis Nilai Murni dalam Seteguh Karang” telah membincangkan tentang pendekatan moral dalam artikel nilai murni dalam seteguh

karang. Seterusnya, pendekatan moral yang digunakan adalah untuk menganalisis penerapan nilai murni dalam karya Tuan Faridah Syed Abdullah iaitu seteguh karang. Hal ini dikatakan demikian kerana, pemupukan nilai murni yang terdapat dalam karya seteguh karang adalah untuk memberi pendedahan kepada remaja untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka. Di samping itu, penulis mendapati kajian teks dalam karya tersebut menyentuh mengenai nilai-nilai murni seperti nilai baik hati, kasih sayang, keberanian, kerjasama dan rasional. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa karya seteguh karang menerapkan nilai-nilai moral dalam penghasilan karya tersebut untuk memberi pendedahan kepada masyarakat terutamanya remaja pada masa kini.

Amferim, S.S dan Abdullah, N.A.V (2017) dalam kajian “Aspek Moral dalam Drama Muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu Karya Hatta Azad Khan” telah membincangkan mengenai drama muzikal yang mempunyai unsur moral yang dapat memberi pendedahan kepada masyarakat. Seterusnya, tujuan kajian ini adalah untuk menerangkan mengenai kritikan moral yang ingin disampaikan oleh Hatta melalui drama muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu. Di samping itu, kajian ini menggunakan pendekatan moral. Hal ini kerana, pengaplikasian pendekatan moral sesuai digunakan untuk mengkaji aspek dalam teks yang mengandungi pengajaran dalam kehidupan masyarakat. Hasil dapatan kajian ini mendapati penghasilan drama muzikal karya Hatta mempunyai banyak nilai moral yang selari dengan tema yang dibawa iaitu berkaitan dengan kehidupan masyarakat.

Eliastuti, M (2017) dalam kajian “Analisis Nilai Moral Dalam Novel “Kembang Turi” Karya Budi Sardjono” telah membincangkan mengenai nilai-nilai moral yang terdapat dalam novel “Kembang Turi”. Hal ini dikatakan demikian, kisah kehidupan dalam jalan

cerita novel tersebut mengaitkan dengan nilai-nilai moral dalam kehidupan dua anak asal gunung Kidul yang sangat menitikberatkan aspek moral dari mereka kecil sehingga dewasa. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan pendekatan moral untuk mengkaji dan menganalisis nilai-nilai moral yang terdapat dalam novel tersebut. Selain itu, nilai-nilai moral dalam novel kembang turi sangat memainkan peranan penting. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap watak yang terdapat dalam novel tersebut mempunyai nilai moral yang berbeza dalam diri mereka. Natijahnya, hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa penerapan nilai-nilai moral yang telah dianalisis dalam novel kembang turi mempunyai banyak aspek nilai moral walaupun terdapat watak yang tidak terlalu memperlihatkan nilai-nilai moral dalam kehidupan harian mereka.

Ya, C.A.C (2018) dalam kajian “Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu” telah membincangkan tentang novel yang memaparkan kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman sebelum perang dunia kedua sehingga dekad mutakhir di negara Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada zaman tersebut masyarakat Melayu aktif melibatkan diri mereka dalam dunia korporat. Oleh itu, persoalan yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Melayu secara lebih mendalam dan kreatif oleh pengarang melalui cara pengaplikasian pelbagai teknik seperti imbas Kembali, monolog, dialog dan imbas muka termasuk mimpi dan perlambangan. Hal ini untuk memudahkan pembaca dapat memahami jalan cerita yang terdapat dalam novel tersebut. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif untuk memudahkan pengkaji menganalisis novel Bedar Sukma Bisu. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan teori pengkaedahan Melayu untuk meneliti pendekatan yang digunakan dalam novel karya Faisal Tehrani. Justeru itu, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa novel ini banyak mengemukakan mengenai realiti kehidupan masyarakat melayu yang sangat bergantung dengan alam.

Oleh itu, dapat dilihat alamdand manusia tidak dapat dipisahkan.

Kesimpulannya, teori Pengkaedahan Melayu yang memfokuskan kepada pendekatan moral oleh Hashim Awang memainkan peranan penting terutamanya dalam kajian nilai moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral merupakan pendekatan yang boleh menjawab persoalan-persoalan mengenai nilai moral. Di samping itu, dapat dilihat juga kajian-kajian lepas mengenai cerita rakyat berunsur moral yang diteliti oleh pengkaji kebanyakannya menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang memfokuskan kepada pendekatan moral dalam kajian.

2.4 Sorotan Kajian Aspek Kehidupan Manusia Melalui Cerita Rakyat

Ismail, M.F (2016) dalam kajian “Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia” telah membincangkan tentang cerita rakyat yang terdapat dalam masyarakat orang asli Temiar. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian terhadap cerita rakyat orang asli belum lagi dikaji secara sistematik oleh pengkaji lain. Oleh itu, pengkaji berhasrat untuk mengkaji dengan lebih mendalam lagi mengenai cerita rakyat yang terdapat dalam masyarakat orang asli terutamanya di Gua Musang, Kelantan. Selain itu, cerita rakyat bukan sahaja terdapat dalam masyarakat Melayu tetapi cerita rakyat juga wujud dalam kehidupan masyarakat orang asli. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap cerita rakyat masyarakat orang asli ini menggunakan tiga objektif untuk menyesuaikan dengan tajuk kajian. Di samping itu, cerita rakyat yang terdapat dalam masyarakat orang asli mempunyai pelbagai budaya yang diterapkan dalam kehidupan mereka. Justeru itu, dapat dilihat melalui hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 11 penemuan nilai budaya

yang menjadi pengangan hidup masyarakat orang asli yang dapat dilihat melalui cerita rakyat yang telah wujud dari zaman dahulu lagi terutamanya masyarakat orang asli di Gua Musang, Kelantan.

Hanafiah, M.N.A.H.M, Yaacob, M.F.C, Rashid, S.F.A dan Jusoh, S.A (2021) dalam kajian “Polemik dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak” telah membincangkan tentang polemik yang terdapat dalam cerita rakyat yang terpilih untuk pemebentukan nilai moral kepada kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat unsur polemik melalui cerita rakyat. Oleh itu, polemik yang berlaku boleh dijadikan iktibar dan teladan kepada kanak-kanak. Hal ini kerana, apabila kanak-kanak menjadikan setiap yang berlaku dalam cerita rakyat sebagai teladan dan hanya mengambil plot cerita yang berunsur positif dalam cerita rakyat akan membantu pembentukan nilai-nilai moral dalam diri kanak-kanak. Selain itu, kajian ini hanya membataskan beberapa tajuk cerita rakyat melalui teks 366 Cerita Rakyat di Malaysia untuk dianalisis iaitu cerita rakyat yang bertajuk Puteri sejinjau dan Puteri Santubong, Menuntut Bela, Melanggar Janji, Kapak Emas, Bawang Merah Bawang Putih serta Pemburu Yang Tidak Tahu Bersyukur. Hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa unsur polemik dalam cerita rakyat sangat membantu dalam pembentukan moral kepada kanak-kanak.

M, Firdaus, Faizah, H dan Manaf, N.A (2013) dalam kajian “Cerita Rakyat Masyarakat Rambah Kabupaten Rokan Hulu Provinsi Riau” telah membincangkan tentang cerita rakyat yang telah wujud dari zaman dahulu lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita rakyat yang terdapat dalam masyarakat Rambah adalah berbentuk cerita rakyat iaitu sastera lisan. Hal ini kerana, cerita rakyat dalam masyarakat Rambah adalah diceritakan dari mulut ke mulut iaitu dari satu generasi ke generasi seterusnya. Cerita rakyat yang diceritakan ini adalah kebiasaannya diceritakan oleh orang tua-tua dahulu

dan disampaikan kepada golongan yang muda. Di samping itu, cerita rakyat masyarakat Rambah menitikberatkan nilai-nilai murni dalam kehidupan mereka. Hal ini kerana, nilai-nilai murni yang terdapat dalam diri seseorang adalah mencerminkan kepribadian masyarakat dan bangsa tersebut. Selain itu, cerita rakyat yang wujud dalam kehidupan masyarakat terdiri daripada tiga kategori iaitu legenda, mitos dan cerita dongeng. Oleh demikian, hasil dapatan kajian yang telah diperoleh memperlihatkan bahawa masyarakat Rambah masih mempercayai cerita rakyat yang terdapat dalam kaum mereka dan menganggap cerita rakyat sebagai pegangan hidup mereka. Hal ini kerana, mereka menganggap cerita rakyat adalah sebagai cerita yang dapat menggambarkan asal usul kaum mereka dan sejarah bangsa mereka.

Hanafiah, M dan Yaacob, M.F.C (2018) dalam kajian “Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak” telah membincangkan tentang cerita lisan yang akrab dengan nilai-nilai Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu. Selain itu, kajian ini adalah untuk menunjukkan bahawa nilai-nilai Islam merupakan aspek yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Di samping itu, dalam kajian ini juga menunjukkan bahawa cerita lisan merupakan khazanah warisan iaitu milik masyarakat Melayu. Oleh demikian, cerita lisan merupakan hak semua masyarakat Melayu. Seterusnya, masyarakat pada masa kini terutamanya generasi muda menganggap cerita lisan merupakan cerita rakyat yang tidak berunsur ilmu pengetahuan, rekaan semata-mata, membosankan dan tidak mempunyai nilai-nilai Islam yang dapat membentuk sahsiah masyarakat. Oleh itu, pengkaji telah mengkaji dengan teliti mengenai cerita lisan dan nilai-nilai Islam yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut iaitu menggunakan koleksi 366 cerita rakyat Malaysia. Justeru itu, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa cerita lisan yang terdapat dalam koleksi 366 cerita rakyat Malaysia membuktikan kepada masyarakat terutamanya anak muda mengenai penemuan nilai-nilai Islam

dalam cerita lisan yang dapat membentuk sahsiah masyarakat. Natijahnya, dapat dilihat bahawa dalam cerita lisan juga menekankan nilai-nilai islam dalam kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu.

Jusoh, S.A, Yaacob, M.F.C dan Abdillah, N (2021) dalam kajian “Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu” telah membincangkan tentang masyarakat melayu yang mempunyai kepelbagaian dan keunikan dalam kehidupan mereka terutamanya dalam corak budaya dan tatacara dalam struktur sosial. Hal ini menyebabkan pertukaran idea dan sudut pandangan yang disampaikan melalui cerita lisan. Selain itu, dalam cerita lisan Melayu juga mementingkan pengajaran dalam kehidupan. Hal ini dapat dilihat melalui pengajaran dan sindiran yang disampaikan melalui pantun, cerita-cerita rakyat yang berunsurkan jenaka, legenda dan mitos. Di samping itu, cerita lisan juga merupakan cerita rakyat yang disampaikan dari mulut ke mulut oleh itu, akan berlaku tokok tambah dari satu generasi ke generasi seterusnya. Oleh demikian, kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis ritual sumpahan yang terdapat dalam cerita lisan Melayu iaitu pengkaji hanya membataskan 12 data cerita lisan yang dipilih secara rawak melalui koleksi 366 cerita rakyat di Malaysia. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan teori budaya untuk memudahkan kajian dilakukan. Justeru itu, hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa sesetengah cerita lisan Melayu mempunyai unsur spiritual dalam kehidupan mereka. Natijahnya, unsur spiritual yang terdapat dalam cerita lisan dapat menarik minat pembaca untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai cerita-cerita lisan yang mengandungi unsur spiritual.

Zakeria, S.Z dan Afendi, N.R.N.M (2014) dalam kajian “Konflik Dalam Cerita Rakyat dan Kesannya Kepada Kanak-Kanak” telah membincangkan tentang persoalan dan konflik yang timbul dalam kalangan masyarakat Melayu dan cara mereka dalam

menyelesaikan konflik terhadap cerita rakyat kepada kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat Melayu risau terhadap generasi muda yang tidak terlalu didedahkan dengan cerita rakyat. Oleh demikian, kajian ini dilakukan oleh pengkaji adalah untuk mendedahkan cara pengajaran masyarakat Melayu pada zaman dahulu yang hanya menggunakan cerita rakyat dalam kehidupan harian mereka. Di samping itu, kajian ini menggunakan koleksi cerita rakyat dalam majalah Dewan Pelajar yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Hal ini kerana, cerita rakyat yang diterbitkan adalah berbentuk cerita klasik. Cerita rakyat yang berbentuk klasik adalah untuk memberi pendedahan kepada anak muda mengenai akal budi masyarakat Melayu serta kebudayaan yang mereka miliki dalam masyarakat Melayu tradisional. Hal ini adalah membuktikan bahawa cerita rakyat dapat menggambarkan pemikiran akal budi masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam menyelesaikan konflik dalam kehidupan mereka terutamanya pendedahan cerita rakyat kepada kanak-kanak. Justeru itu, hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa ketinggian akal budi masyarakat Melayu dahulu dapat diketahui apabila kanak-kanak mendapat pengajaran dan pengetahuandari cerita rakyat yang telah wujud dari zaman dahulu lagi.

Ismail, M.S, Bakar, R.A dan Efendy, N.R.N.M (2018) dalam kajian “Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Perwatakan Positif” telah membincangkan tentang cerita jenaka Melayu yang memaparkan watak dan perwatakan yang lucu dan mampu menghiburkan pembaca. Di samping itu, terdapat pada kajian terdahulu yang menyatakan cerita jenaka Melayu adalah menghasilkan persepsi masyarakat Melayu yang dianggap lurus, jumud dan taat kepada raja secara membata tuli. Oleh demikian, pengkaji melaksanakan kajian ini adalah untuk menanggapi bahawa cerita jenaka masyarakat Melayu bukan cerita yang dijadikan hiburan semata-mata tetapi melalui cerita jenaka juga dapat memberi pengajaran dan membuktikan cerita jenaka masyarakat Melayu juga ditunjangi oleh watak dan perwatakan yang berunsur nilai-

nilai positif dalam kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan dua objektif iaitu memperlihatkan dan menganalisis watak dan perwatakan yang berunsur positif yang terkandung dalam cerita jenaka Melayu. Justeru itu, hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa cerita jenaka Melayu sangat menitikberatkan watak dan perwatakan yang mempunyai nilai-nilai moral dan yang berunsur positif dalam penyampaian jalan cerita walaupun melalui cerita jenaka Melayu.

Omar, R, Ishak, M.S.A dan Mustafa, S.E (2019) dalam kajian “Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia” telah membincangkan tentang cerita rakyat yang telah berkembang iaitu daripada bentuk lisan ke bentuk digital. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui mengenai rekonstruksi cerita rakyat daripada cetak kepada digital. Selain itu, terdapat beberapa pendapat mengenai cerita rakyat ini. Hal ini dapat dilihat, apabila banyak pakar cerita rakyat bimbang mengenai pengenalan tentang teknologi moden namun demikian, terdapat juga pakar yang mempercayai pengenalan teknologi moden terhadap cerita rakyat akan berkembang dengan lebih maju dalam ruang siber. Natijahnya, hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa ekosistem cerita rakyat di Malaysia masih belum berkembang dengan perubahan zaman teknologi moden.

Tuntasnya, aspek kehidupan manusia juga dapat dilihat melalui cerita rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita rakyat bukan sahaja cerita lisan yang diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi tetapi cerita rakyat juga menyentuh aspek kehidupan masyarakat dari zaman dahulu dan setiap cerita rakyat tersebut mempunyai makna tersirat dan tersurat.

2.5 Unsur Sejarah dalam Legenda

Low K.O (2002) dalam kajian “Membaca Silam Kadazandusun Berasaskan Mitos dan Legenda” telah membincangkan mengenai peristiwa yang berlaku di Gunung Kinabalu iaitu berkaitan kewujudan naga di kawasan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, legenda mengenai naga ini mempunyai hubung kait dengan asal usul kaum kadazandusun. Di samping itu, kajian ini juga adalah untuk mengetahui persepsi masyarakat kadazandusun mengenai mitos dan legenda yang telah diturunkan dari nenek moyang mereka lagi. Hal ini dapat dilihat, cerita mengenai mitos dan legenda mempengaruhi pemikiran etnik kadazandusun sehingga ke hari ini masih mempercayai bahawa hubungkait antara kewujudan naga di Gunung Kinabalu dengan suku kaum mereka. Selain itu, aspek kepahlawanan juga dikaji oleh pengkaji sebagai contohnya, watak pahlawan dalam legenda Nabalung yang sangat berani untuk merampas Mutiara dari mulut seekor naga. Hal ini menjadi pembakar semangat dan contoh dalam kehidupan masyarakat kaum kadazandusun dalam kehidupan mereka. Oleh demikian, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa mitos dan legenda dalam etnik kadazandusun masih dipercayai sehingga ke hari ini oleh masyarakat tersebut.

Tana, M.N, Nuwa, G dan Muis, A (2020) dalam kajian “Menggali Nilai-Nilai Kepahlawanan Mo’an Teka Iku” telah membincangkan tentang tokoh masyarakat dan budaya dalam menentang penjajahan Belanda iaitu Mo’an Teka Iku. Hal ini dikatakan demikian, perjuangan Mo’an Teka Iku merupakan perjuangan yang masih menjadi kebanggaan masyarakat di Indonesia. Selain itu, pengkaji juga mendapati dalam kajian ini nilai-nilai kepahlawanan yang dimiliki tokoh tersebut dapat dilihat seperti bersemangat juang, rela berkorban, berani dan keterbukaan. Oleh itu, semangat juang yang terdapat dalam diri tokoh sangat mempengaruhi dalam cerita di kehidupan masyarakat disekitarnya. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan pendekatan

kualitatif untuk memudahkan pengkaji untuk menemui bual beberapa tokoh masyarakat untuk mendapatkan sumber data, dan untuk merungkai nilai-nilai kepahlawanan Mo'an Teka Iku. Justeru itu, hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa nilai-nilai kepahlawanan daripada tokoh masyarakat Mo'an Teka Iku sangat memberi semangat juang dan memberi pengajaran kepada masyarakat.

Nur Kayati (2017) dalam kajian "Nilai Kepahlawanan Dalam Novel Hanoman Karya Potoyo Amrih Pendektan Sosiologi Sastera dan Implementasinya sebagai Bahan Ajar Sastera di Id" telah membincangkan tentang pentingnya nilai kepahlawanan untuk dibangkitkan sebagai salah satu dalam nilai pendidikan untuk membentuk dan membantu membina kepribadian terutamanya dalam generasi muda. Seterusnya, pengkaji juga mendapati kajian terhadap novel yang berasaskan cerita Hanoman iaitu dalam cerita Ramayana. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita Ramayana menceritakan mengenai nilai kepahlawanan yang harus dicontohi dan diteladani kerana merupakan cerita yang seiring dengan perkembangan zaman. Di samping itu, kajian ini juga menganalisis aspek kepahlawanan Hanoman kerana dapat memberi pengajaran dalam kalangan masyarakat dan pembaca. Oleh demikian, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap cerita seperti legenda Hanoman ini memperlihatkan nilai-nilai kepahlawanan yang dapat dicontohi oleh masyarakat.

Zakaria, A (2020) dalam kajian "Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan, Legenda Kedah dan Motif Darah Putih" telah membincangkan tentang sejarah Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui kajian ini adalah membincangkan mengenai sejarah berkaitan Mahsuri dan Puteri Lindungan Bulan. Di samping itu, kajian ini juga menyingkap susur galur keturunan legenda tersebut serta kisah yang terdapat dalam legenda Mahsuri. Seterusnya, penulis juga merungkai

definisi, ciri-ciri dan fungsi terhadap legenda yang dikaji. Oleh itu, bahagian ini juga mengaitkan makna putih, berdarah putih, sifat serta perwatakan kedua-dua legenda tersebut. Oleh demikian, melalui kajian ini juga dapat dilihat legenda Mahsuridan Puteri Lindungan Bulan merupakan cerita rakyat yang menjadi salah satu legenda yang masih diingati oleh masyarakat terutamanya dalam masyarakat Melayu di Langkawi. Seterusnya, kajian ini juga adalah untuk mengekalkan nostalgia kepada generasi yang akan datang. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk menyempurnakan kajian ini serta memudahkan pengkaji dalam tinjauan dokumen untuk membuktikan bahawa kedua-dua legenda tersebut mempunyai pengajaran kepada masyarakat.

Rahman, R.A dan Zaini, A.R.B (2016) dalam kajian “Pembangunan dan Cabaran Diaspora Citra Bangsa (Local Genius): Kajian Etnomonologi Legenda Mahsuri, Langkawi, Malaysia” telah membincangkan tentang kehidupan sosial yang bersifat abstraktif dalam legenda Mahsuri. Hal ini dikatakan demikian kerana, kearifan lokal dalam legenda Mahsuri memperlihatkan nilai-nilai tinggi dalam perilaku seperti mencegah perbuatan yang tidak baik samaada dari segi adat ataupun kehidupan harian masyarakat. Setersunya, kajian ini juga adalah berasas fenomenologi iaitu yang menjuruskan realiti sosial yang dilihat melalui hipotesis dan andaian daripada pengkaji. Di samping itu, kajian ini juga menceritakan latar belakang dan asal usul legenda Mahsuri yang dapat diketahui oleh pembaca. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan pendekatan dialetik iaitu berasaskan pengetahuan lokal. Di samping itu, legenda Mahsuri banyak memperlihatkan sosial kehidupan masyarakat yang dapat memberi pengajaran dan tauladan dalam kehidupan masyarakat terutamanya generasi muda. Justeru itu, hasil dapatan kajian memperlihatkan bahawa pembangunan dan cabaran Diaspora Citra Bangsa (Local Genius) pada Legenda Mahsuri dapat diungkapkan sekiranya pengkaji hanya memfokuskan kepada aspek tersebut. Hal ini kerana, kajian

ini tidak akan dapat diungkapkan sekiranya unsur diaspora yang memainkan peranan penting dalam membentuk citra suatu bangsa itu dikaji.

Kesimpulannya, setiap cerita rakyat yang terdiri daripada legenda atau mitos mempunyai sejarah dalam cerita tersebut. Oleh itu, unsur sejarah dapat dilihat melalui kajian-kajian lepas yang telah diteliti oleh pengkaji iaitu melalui kajian berkaitan dengan legenda. Justeru itu, unsur sejarah yang terdapat dalam legenda ini membantu pengkaji untuk meneliti dengan lebih mendalam mengenai legenda dan dapat memberi peluang kepada pengkaji untuk melengkapkan kajian mengenai legenda “Bukit Bagahak”.

2.6 Penutup

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas yang telah diteliti dapat membantu pengkaji untuk memahami kajian berkaitan nilai-nilai moral dalam cerita rakyat. Selain itu, berdasarkan sorotan kajian lepas juga dapat dirumuskan bahawa kajian-kajian yang berkaitan lebih banyak berfokus kepada nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat yang telah dibukukan. Oleh itu, pengkaji terdorong untuk membuat kajian mengenai nilai-nilai moral yang terdapat dalam legenda. Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai moral juga dapat dilihat dalam legenda kerana setiap legenda mempunyai aspek nilai moral yang telah diterapkan dalam kehidupan walaupun cerita mengenai legenda ini kebiasaannya berkisar mengenai sejarah atau kepahlawanan pada zaman dahulu. Justeru itu, pengkaji telah memilih legenda “Bukit Bagahak” untuk mengupas mengenai nilai-nilai moral yang telah diterapkan dalam kehidupan masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan metodologi kajian yang digunakan dalam Nilai-nilai Moral dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” menggunakan pendekatan moral. Metodologi kajian ialah kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian atau penyelidikan bagi mencapai matlamat dan objektif penyelidikan. Selain itu, metodologi kajian juga akan memastikan kajian atau penyelidikan dijalankan dengan lebih sistematik dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual dan teori pengkaedahan Melayu yang memfokuskan kepada pendekatan moral.

3.1 Kaedah Kajian

3.1.1 Temu Bual

Temu bual atau 'interview' ialah satu proses interaksi dan komunikasi antara dua atau lebih individu (subjek dan objek). Dikatakan demikian kerana, kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat dengan bertanya kepada responden secara langsung. Oleh itu, hal ini sesuai dengan pengertian temu bual iaitu situasi di mana penemu bual akan bertanyakan soalan kepada seorang atau lebih responden secara bersemuka. Selain itu, temu bual boleh dijalankan menggunakan dua kaedah iaitu temu bual tidak

berstruktur dan temu bual berstruktur. Temu bual tidak berstruktur ialah temu bual yang dijalankan hanya berdasarkan garis-garis besar permasalahan yang ingin ditanya. Manakala temu bual berstruktur ialah temu bual di mana soalan telah disediakan secara terperinci sebelum dijalankan.

Oleh itu, kajian ini menggabungkan kedua-dua kaedah temu bual iaitu temu bual berstruktur dan tidak berstruktur. Hal ini kerana, soalan telah disediakan terlebih dahulu, dan semasa proses temu bual dijalankan, soalan-soalan berkaitan dengan isu berbangkit yang timbul jika difikirkan perlu, pengkaji akan terus bertanyakan soalan kepada responden. Oleh itu, pengkaji akan mengadakan temu bual bersama dengan bekas ketua kampung mukim Tungku iaitu En Mokhtar bin Butti yang berumur 67 tahun dan dua orang penduduk kampung mukim Tungku iaitu Puan Almaidah binti Blang dan Puan Indah binti Yusuf yang merupakan waris salah seorang lagenda Bukit Bagahak untuk mendapatkan maklumat berkaitan cerita rakyat lagenda Bukit Bagahak. Seterusnya pengkaji menggunakan aras bahasa yang selari dengan aras bahasa responden semasa sesi temu bual. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui kaedah temu bual objektif pertama kajian dapat dicapai iaitu mengenal pasti nilai-nilai moral yang terkandung dalam lagenda Bukit Bagahak.

3.1.2 Kepustakaan

Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang penting bagi mendapatkan maklumat atau kosa ilmu bagi tugas kajian ini. Oleh demikian, kepustakaan merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data atau maklumat daripada bahan-bahan dokumen yang sedia ada. Di samping itu, pengkaji juga telah berkunjung ke perpustakaan dengan tujuan untuk mengumpul beberapa bahan dan

sumber rujukan yang berkaitan dengan kajian iaitu mengenai nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” dan Teori Pengkaedahan Melayu. Perpustakaan yang dikunjungi oleh pengkaji ialah Perpustakaan Cawangan Lahad Datu, Sabah dan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan.

3.2 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Metodologi Melayu telah dicetuskan oleh Hashim Awang (1994), seorang sarjana dan pengkritik terkenal di Malaysia. Teori ini mula diperkenalkan pada tahun 1989 dan dikemukakan berdasarkan hakikat bahawa semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan budaya tempatan dalam masyarakat Melayu yang melahirkan karya mereka sendiri. Selain itu, teori ini menjadikan alam sebagai sebahagian daripada kehidupan yang berkait rapat dengan manusia. Selain itu, alam dijadikan sebagai faktor utama untuk memenuhi keperluan hidup manusia yang memberi mata pencarian atau pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebajikan. Oleh itu, kesemua elemen ini dilihat mempunyai fungsi dan faedah tertentu dalam kehidupan. Teori ini dianggap sangat bermakna, tepat dan mampu menganalisis karya sastera Melayu yang dihasilkan oleh sasterawan khususnya pengkarya tempatan.

Seterusnya, teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua pengkaedahan iaitu pengkaedahan Alamiah dan pengkaedahan Keagamaan. Oleh demikian, dalam pengkaedahan Alamiah terdapat tiga pendekatan iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat, manakala pengkaedahan Keagamaan pula ditakrifkan sebagai pendekatan yang berteraskan nilai keimanan dan ketakwaan yang dikaitkan dengan akidah Islam iaitu al-Quran dan hadis. Pengkaedahan ini

mempunyai tiga pendekatan terperinci iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakata dan Pendekatan Seni.

3.2.1 Pengkaedahan Alamiah

Pengkaedahan Alamiah adalah berdasarkan cara atau sikap hidup orang Melayu itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, gaya hidup yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada dirinya. Di samping itu, alam digunakan sebagai faktor utama untuk memberikan mereka pekerjaan atau pencarian, pengalaman, pengajaran dan kesejahteraan. Seterusnya, Pengkaedahan Alamiah terbahagi kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat.

i. Pendekatan Gunaan

Pendekatan ini berdasarkan andaian bahawa sastera merupakan salah satu objek alam iaitu objek hasil ciptaan daripada objek-objek lainnya yang dicipta oleh tuhan. Manakala sastera adalah ciptaan manusia. Oleh itu, berdasarkan kepercayaan ini, sastera dapat dilihat sebagai objek alam yang peristiwanya mempunyai sebab, hikmah, dan fungsi tertentu. Selain itu, kejadiannya merupakan perkara terpenting yang boleh dimanfaatkan oleh manusia sama seperti objek alam yang lain.

ii. Pendekatan Moral

Pendekatan Moral muncul daripada idea asas yang dipegang dalam pendekatan pertama diatas dalam kesusasteraan. Selain itu, ia juga dianggap sebagai objek alam yang merupakan suatu kejadian alam. Namun, kejadian alam dalam pendekatan moral tidak lagi nyata dalam bentuk alat atau objek, sebaliknya ia merupakan pengalaman hidup. Di samping itu, sastera dalam konteks ini dapat memberikan faedah lebih jauh dan fungsi yang lebih besar sebagai objek. Hal ini dikatakan kerana, sastera kini mengekspresikan dan memberi pengalaman iaitu pengalaman-pengalaman yang diungkapkan dan diberikan biasanya terdiri daripada dua perkara utama iaitu tentang peristiwa yang dialami oleh manusia tertentu dan maklumat yang berkaitan dengan manusia dan persekitarannya.

iii. Pendekatan Firasat

Pendekatan firasat ini turut disokong oleh tanggapan bahawa sastera adalah fenomena semula jadi yang menghasilkan pengalaman hidup. Hal ini dapat dilihat daripada peristiwa berkaitan mimpi yang merupakan pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sering dianggap bermakna dalam kehidupan. Oleh itu, perhatian yang besar diberikan untuk mencari makna atau kepentingan. Selain itu, pencarian makna mimpi dikenali sebagai takbir iaitu proses mencari makna melalui tafsiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya dan ia juga bertepatan dengan fitrah kelahirannya. Disamping itu, sastera juga menyerupai mimpi, iaitu kejadian alam yang mempunyai makna atau pemahaman yang boleh didapati melalui proses tafsiran. Oleh itu, tuntutan tafsiran untuk mencari makna ini membayangkan bahawa karya

sastera mempunyai sifat zahir dan batin yang dikaitkan dengan makna tersurat dan tersirat dalam kehidupan.

3.2.2 Pengkaedahan Keagamaan

Pengkaedahan Keagamaan bermaksud pendekatan berasaskan akidah yang dikaitkan dengan akidah Islam. Sumber rujukan terbesar dan utama ialah Al-Quran dan hadis. Di samping itu, pembentukannya adalah berdasarkan tujuan untuk menonjolkan keagungan Allah dan meningkatkan ketaqwaan kepadanya. Oleh itu, dengan ciri-ciri tersebut, kaedah suci ini turut mewujudkan tiga pendekatan yang terdiri daripada pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni.

i. Pendekatan Dakwah

Pendekatan Dakwah dilihat sebagai wadah untuk mempertimbangkan nilai ketakwaan seseorang kepada Allah. Selain itu, karya sastera dalam maksud tanggapan mestilah mengandungi persoalan yang menunjukkan sifat-sifat keagungan dan kemuliaan Allah. Sastera di sini boleh dijadikan sebagai "kitab" yang membolehkan manusia dapat mengenal lebih dekat dan khusyuk tentang sifat dan keperibadian Allah, sehingga timbul perasaan cinta dan hormat yang lebih besar dan murni kepadanya. Selain itu, sastera juga harus mempersoalkan keunggulan agama Islam yang boleh membawa kepada tarikan yang lebih mendalam terhadap kemurnian agama Islam baik daripada kalangan orang Islam dan bukan Islam.

ii. Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan kemasyarakatan lebih menekankan tanggapan kedua yang melihat unsur kebaikan dalam kesusasteraan. Dalam konteks ini sastera dianggap sebagai penciptaan yang berfungsi khusus dengan membawakan perutusan atau (mission) besar untuk mensejahterakan dan membahagiakan umat manusia. Disini, unsur amanat diletakkan pada tempat teratas di samping unsur-unsur lain seperti bentuk, teknik penceritaan, dan gaya bahasa, tanpa sama sekali mengabaikan kehadiran keindahan. Disamping itu, tanggapan sedemikian, sastera Islam dikatakan sebagai lumrah untuk mendedahkan rupa bentuk kehidupan manusia yang baik dan sempurna, yang diredai Allah.


iii. Pendekatan Seni

Pendekatan seni ialah pendekatan yang menjadikan unsur keindahan dalam karya sastera sebagai persoalan pokok. Keindahan yang dimaksudkan ialah keindahan yang membataskan dirinya kepada nilai-nilai estika dan etika Islam serta tidak bertentangan dengan akidah, ajaran dan fahaman Islam. Dalam bentuknya yang lebih tegas dapat disebutkan bahawa keindahan itu berteraskan tauhid. Keindahan yang demikian sifatnya dan tuntutananya menjadi objek penelitian untuk ditemukan dalam sastera menerusi pelbagai aspek atau unsur pembinaanya seperti bentuk hanafiah dan dalamnya, gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak, atau pemakaian sudut pandangan dan gaya bahasa. Pendekatan seni dari sudut penelitian sastera juga menemukan segala-galanya kemudiannya menghasilkan kembali kepada memperkukuhkan tapak-tapak asas yang murni lagi suci, iaitu keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah.

Kesimpulannya, pengkaji akan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu yang berfokuskan kepada pendekatan moral untuk menganalisis dapatan kajian mengenai nilai-nilai moral dalam cerita rakyat legenda “Bukit Bagahak” kerana pendekatan moral merupakan pendekatan yang sangat bertepatan untuk diaplikasikan dalam nilai-nilai moral.



3.3 Kerangka Konseptual



3.4 Penutup

Bab 3 telah membincangkan kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual dan kepustakaan dalam melaksanakan kajian ini. Temu bual yang dijalankan oleh pengkaji adalah dengan menemu bual bekas ketua kampung dan beberapa penduduk kampung di daerah Tungku yang merupakan waris daripada salah seorang legenda bukit Bagahak. Kepustakaan yang dikunjungi oleh pengkaji adalah perpustakaan cawangan Lahad Datu untuk mencari bahan dan sumber berkaitan dengan kajian. Di samping itu, teori pengkaedahan Melayu yang berfokuskan kepada pendekatan moral juga digunakan untuk menganalisis nilai-nilai moral dalam legenda Bukit Bagahak. Hal ini kerana, pendekatan moral merupakan pendekatan yang berkait rapat dengan aspek nilai-nilai moral. Justeru itu, melalui dua kaedah ini akan membantu pengkaji untuk meneliti nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat “legenda Bukit Bagahak” menggunakan pendekatan moral.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab empat ini adalah bahagian menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan bagi tujuan menyempurnakan hasil dapatan kajian yang telah diperoleh berdasarkan analisis yang telah dilakukan iaitu, membincangkan nilai-nilai moral dalam “legenda bukit Bagahak” dan bagaimanakah nilai-nilai moral dalam legenda bukit Bagahak dapat dibincangkan menggunakan pendekatan moral. Di samping itu, nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat “legenda bukit Bagahak” akan dikenalpasti dan dikeluarkan melalui temu bual yang dijalankan bersama wakil sumber iaitu bekas ketua kampung Bagahak encik Mokhtar bin Butti, puan Almaidah binti Bullang dan puan Indah binti Yusuf yang merupakan waris kepada salah seorang legenda dalam Bukit Bagahak”.

4.1 Nilai-nilai moral

Analisis dilakukan dalam cerita rakyat legenda bukit Bagahak dengan berpandukan pendekatan moral dipelopori oleh Hashim Awang yang mengetengahkan nilai-nilai moral dalam kehidupan. Terdapat 10 jenis nilai moral yang telah dianalisis dalam cerita rakyat legenda bukit Bagahak iaitu berpandukan objektif dan soalan temu bual yang diajukan kepada responden.

Menurut Kluckhohn, C. (1953: p4) nilai adalah satu kesan yang akan kekal samaada dari segi pengetahuan yang luas dan juga masa serta satu cara untuk mengekalkan perlakuan seseorang. Di samping itu, nilai juga merupakan perkara yang di sukai oleh orang lain terutamanya ketika seseorang mempunyai hubungan sosial yang baik dengan orang sekeliling. Manakala menurut Lustig dan Koester (2003: p88) maksud nilai adalah sesuatu yang melibatkan perkara yang dilakukan oleh manusia samaada perbuatan yang baik ataupun buruk, salah atau betul, adil atau berat sebelah, jelita atau hodoh, pembersih atau pengotor dan bernilai dan tidak bernilai.

Seterusnya, moral menurut Ali, A. W. (2009: p163) adalah bermaksud sebagai satu tatacara hidup manusia di dunia untuk keharmoniaan diri, keluarga dan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, moral yang terdapat dalam diri seseorang individu adalah melambangkan sikap yang telah dimiliki dan dididik sejak kecil lagi. Di samping itu, moral juga memainkan peranan penting bagi tujuan hidup manusia di dunia untuk mencari kesejahteraan hidup di dalam agama mereka sendiri. Terdapat 10 jenis nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak”. Antaranya ialah:

No	Nilai-nilai Moral Dalam Cerita Rakyat “Legenda Bukit Bagahak”
1	Nilai Taat setia
2	Nilai Tolong-menolong
3	Nilai Kebijaksanaan
4	Nilai Bermuafakat
5	Nilai Bersyukur
6	Nilai Kasih sayang
7	Nilai Menepati janji
8	Nilai Baik hati
9	Nilai Merendah diri
10	Nilai Persahabatan

4.1.1 Nilai Taat setia

Menurut kamus Dewan Edisi Keempat, 2005: p1561, taat bermaksud sentiasa menurut perintah Tuhan dan lain-lain, tidak mengingkari (perintah dan lain-lain). Disamping itu, maksud setia ialah teguh hati iaitu yang dapat digunakan dalam persahabatan dan perkahwinan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005: p1481). Manakala, maksud taat setia yang terdapat dalam Hikayat Melayu menerusi jurnal (Norazimah bt Zakaria 2015: p28) ialah yang diamalkan dalam golongan yang yang diperintah dengan pemerintah. Taat setia juga dikenali sebagai sifat "*supernatural*" yang terdapat dalam diri seseorang pemerintah. Hal ini kerana, dengan adanya sifat tersebut membolehkan pemerintah dapat memupuk sifat taat setia dalam diri rakyatnya. Oleh itu, taat setia yang wujud dalam diri seseorang terhadap individu yang lebih berkuasa seperti ketua, pemerintah, ibu bapa dan lain-lain dapat dilihat dalam cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" yang mengisahkan sikap penduduk kampung yang begitu taat setia kepada ketua mereka berdasarkan cerita dibawah daripada bekas ketua kampung daerah Tungku iaitu encik Mokhtar bin Butti.

Penduduk kampung Bagahak tetap ada di belakang ketua dorang ni yang namanya si Lamugong, sebab masa si Lamugong suruh pengikutnya tu lari bawa anak bini dorang untuk betapak ke tempat yang lebih selamat tetap ditentang oleh pengikutnyalah lepastu ada satu orang pemuda dia cakap sama ketua dorang si Lamugong, macam dia cakap tu, kenapa konon dorang ni di suruh betapak dan melarikan diri sedangkan si Lamugong berjuang mati-matian untuk jaga perkampungan dorang. Jadi konon biarlah dorang tu sama-sama berjuang dan bantu si Lamugong biarpun konon, ketua dorang dalam keadaan susah dorang ni tetap ada di sisi ketua doranglah.

(Mokhtar bin Butti 2022 ; 2:00 p.m)

Nilai taat setia dapat dilihat melalui sikap penduduk kampung Bagahak terhadap ketua mereka iaitu Lamugong. Seterusnya, menurut bekas ketua kampung di daerah Tungku iaitu encik Mokhtar bin Butti juga menceritakan nilai taat setia dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” dapat dilihat melalui sikap penduduk kampung yang sentiasa berada di samping ketua mereka ketika mengalami masalah. Selain itu, seorang pemuda juga berani bersuara kepada ketua mereka yang juga didengari oleh seluruh penduduk kampung agar sentiasa membantu dan berada bersama-sama ketua mereka untuk mempertahankan perkampungan mereka. Sikap pemuda tersebut telah memberi semangat dan keyakinan kepada pengikut lain dan pemimpin mereka untuk sentiasa bersama-sama berjuang menentang sekumpulan penganas yang telah menyerang perkampungan mereka. Oleh demikian, jelaslah nilai taat setia ini merupakan salah satu aspek yang penting dalam kehidupan sesebuah masyarakat untuk mewujudkan hubungan yang aman dan sentosa antara pemimpin dan pengikut. Nilai taat setia bukan sahaja digunakan oleh pengikut kepada pemimpin tetapi taat setia juga dapat digunakan dalam kehidupan masyarakat dan kepada ibu bapa.

Oleh itu, hal ini juga bertepatan dengan pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang. Pendekatan moral juga dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh Chong Ah Fok (2017 : p128) yang menyatakan bahawa pendekatan moral adalah pengetahuan dan pengalaman dalam kehidupan manusia yang terkandung dalam karya sastra. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam sesebuah karya telah menunjukkan bagaimana kehidupan watak-watak yang terdapat dalam karya tersebut merupakan gambaran manusia biasa di alam nyata. Oleh demikian, pemuda dan penduduk kampung di perkampungan Bulud Sung sangat menerapkan nilai taat setia dalam diri mereka untuk bersama-sama dengan ketua

mereka iaitu Lamugong untuk mempertahankan perkampungan mereka dan tidak akan berpaling arah terhadap ketua mereka. Di samping itu, pengalaman yang dimiliki dapat mewujudkan persoalan yang memberi pengajaran kepada masyarakat dan pembaca ketika membaca karya sastera sama ada secara lisan ataupun bertulis. Sebagai contohnya, melalui cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" pendekatan moral dapat diaplikasikan untuk membantu penulis dan pembaca mengetahui nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*".

4.1.2 Nilai Tolong-menolong

Menurut Abidien, M.Z (2014 : p66), tolong-menolong merupakan sikap yang wujud dalam diri seorang manusia. Hal ini kerana, manusia merupakan makhluk ciptaan Tuhan yang tidak mampu untuk menjalani kehidupan secara bersendirian di muka bumi ini kerana secara khususnya kehidupan manusia mempunyai waktu susah dan senang. Manakala menurut Rashid, A.A.R. (2001 : p112), menyatakan tolong-menolong sebagai sikap masyarakat yang mempunyai sifat penyayang dalam diri kerana, nilai ini berseuaian dengan konsep yang dikenali sebagai *caring society*. Oleh demikian, sifat yang wujud dalam diri seseorang masyarakat mampu membantu individu yang memerlukan bantuan tanpa mengharap balasan daripada pihak tersebut. Justeru itu, nilai tolong-menolong dapat dilihat melalui cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" di bawah yang telah diceritakan oleh bekas ketua kampung di daerah Tungku :

10 orang pemuda kampung Bulud Sung disuruh oleh ketua dorang si Lamugong pada masa itu untuk saling bantu antara satu sama lainlah, untuk dorang merintis jalan pintas yang tebal oleh semak samun. Sebab konon dorang ni mahu pindah pigi tempat yang lebih selamat. Ada yang mengasah parang untuk lebih tajam, ada yang melukis peta jalan yang mana dorang perlu limpas di semak samun yang tebal di kampung dorang.

(Mokhtar bin Butti, 2022 ; 2:00 p.m)

Nilai tolong-menolong yang wujud dalam diri setiap penduduk kampung Bulud Sung dapat dilihat melalui cerita daripada sumber. Hal ini kerana, 10 orang pemuda telah melakukan pembahagian tugas mereka untuk meringankan kerja antara satu sama lain. Selain itu, beliau menceritakan sikap 10 orang pemuda yang saling bantu membantu antara satu sama lain tanpa mengharapkan balasan daripada orang yang lebih tua daripada mereka dan ketua di perkampungan mereka. Oleh hal yang demikian, sikap yang telah ditunjukkan oleh 10 orang pemuda di perkampungan Bulud Sung merupakan perbuatan yang patut di contohi oleh masyarakat lain dan juga di kalangan pembaca terutamanya golongan anak muda. Penerapan nilai moral dalam sesebuah cerita rakyat mampu menjadi salah satu cara untuk menunjukkan dan menyampaikan kepada masyarakat bahawa penerapan nilai moral dalam kehidupan masyarakat amatlah penting dan harus dibentuk dari kecil lagi dikalangan kanak-kanak.

Hal ini juga bertepatan dengan pendekatan moral yang telah diasaskan oleh Hashim Awang pada tahun 2002. Cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” yang telah dikaji oleh pengkaji mampu memberi kebaikan dan manfaat kepada khalayak pembaca kerana cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” merupakan daripada peristiwa yang sebenar dan dapat dijadikan pengalaman dan pengajaran dalam kehidupan masyarakat. Justeru itu, nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat di atas bertepatan dengan pendekatan moral yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini kerana, sikap yang

ditonjolkan dalam beberapa orang pemuda dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” mampu mengangkat nilai moral dalam kehidupan harian mereka sejak dari muda lagi. Oleh demikian, berdasarkan pendekatan moral dalam cerita rakyat iaitu nilai tolong-menolong dapat memperlihatkan bahawa sikap tersebut dapat memberi tauladan kepada masyarakat dan mampu mendidik golongan muda untuk menerapkan nilai-nilai moral dalam kehidupan mereka. Oleh itu, karya sastera juga membantu untuk membentuk kepribadian masyarakat untuk bermoral baik.

Selanjutnya, dalam cerita rakyat “*Legenda Bukit Bagahak*” juga mempunyai sikap tolong-menolong yang ditonjolkan dalam watak wanita dan isteri di perkampungan Bulud Sung. Hal ini dikatakan demikian kerana, beberapa orang gadis yang membantu isteri-isteri penduduk kampung untuk menguruskan anak-anak mereka yang masih kecil dan mengemaskan barang keperluan yang perlu di guna serta memasukkan butir padi yang bertaburan di tanah dapat dilihat dalam cerita di bawah :

Ada berapa orang anak gadis macam usia kamu ni yang ringan tulanglah bantu isteri-isteri penduduk kampung di kampung Bulud Sung tu, ada yang tolong ibu-ibu urus anak dorang, macam dijaga masa tidur, ada juga yang tolong untuk kasih masuk padi yang berhamburan di tanah tu ke dalam karung sebab dorang mau pindah ke tempat lain kan.

(Mokhtar bin Butti 2022 ; 2:00 p.m)

Berdasarkan cerita di atas, sumber mengatakan sikap tolong-menolong dapat dilihat juga pada watak beberapa orang gadis. Hal ini dikatakan demikian kerana, beberapa orang gadis di perkampungan Bulud Sung saling membantu antara satu sama lain untuk meringankan beban para isteri penduduk kampung tersebut. Sikap tolong-

menolong yang ditonjolkan oleh gadis di perkampungan Bulud Sung adalah membantu untuk menguruskan bayi dan kanak-kanak sebagai contohnya menemani ketika mereka sedang tidur dan membantu isteri penduduk kampung mengutip beras yang bertaburan di tanah untuk di masukkan ke dalam guni. Oleh demikian, hal ini juga bertepatan dengan pendekatan moral kerana sikap tolong-menolong yang telah di tonjolkan mampu memberi kesan yang baik kepada diri seseorang individu dan juga masyarakat seperti dalam watak beberapa orang gadis dan isteri penduduk kampung. Justeru itu, secara tidak langsung cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” juga memainkan peranan penting untuk membantu dalam mendidik masyarakat untuk menerapkan sikap tolong-menolong dalam kehidupan harian ketika membaca dan mendengar kisah cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak”.

4.1.3 Nilai Kebijaksanaan

Menurut Sharifah (2012 : p17) bijaksana bermaksud kebolehan seseorang untuk berfikiran tinggi, cerdik, mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam kehidupan. Kebijaksanaan yang dimiliki seseorang adalah disebabkan oleh kecerdasan akal yang dimiliki berbeza daripada orang lain. Di samping itu, seseorang individu mampu untuk memberi penjelasan yang tepat dan jelas untuk difahami oleh orang lain. Selain itu, berkebolehan dalam membuat sebarang tindakan yang bersesuaian dengan situasi serta mempunyai minat untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai ilmu pengetahuan, peka terhadap sebarang tindakan dan perubahan situasi serta mempunyai pendirian untuk mencintai perkara yang benar dan sentiasa mengamalkan kehidupan yang bersederhana tanpa bangga diri.

Seterusnya, maksud bijaksana menurut Husin (2007) menerusi buku Dr. Yazib Abdul Manap (2015 : p98) bermaksud bijak untuk melakukan penilaian yang lebih jauh ke hadapan sebelum memutuskan keputusan dan ketika mengambil sebarang tindakan terhadap sesuatu perkara. Oleh hal yang demikian, bijaksana merupakan sifat seseorang manusia yang dapat menggunakan akal fikiran dengan baik untuk melakukan sesuatu perkara yang membantu seseorang individu ataupun masyarakat untuk ke arah kebaikan. Berdasarkan cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" juga memperlihatkan sikap seorang ketua yang bijaksana dalam memilih sebuah bukit yang agak curam sebagai perkampungan baru mereka untuk melihat pergerakan penceroboh atau dikenali sebagai pengait kepala dari seberang sungai yang mengancam keselamatan mereka. Oleh itu, cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" mengenai nilai kebijaksanaan telah diceritakan oleh ketua kampung di kawasan tersebut berdasarkan cerita di bawah :

Ketua mereka si Lamugong sudah pilih bah satu bukit yang curam konon untuk dorang boleh nampak kalau sagai tu datang limpas sungai yang dekat dengan bukit disitu, lepastu si Lamugong ada suruh berapa orang jugak macam lelaki yang sudah hebat dengan jalan dalam kawasan di situ untuk turun pigi bawahlah untuk tengok kalau kawasan baru yang dorang tinggal tu boleh di nampak dari bawah dengan teranglah.

MALAYSIA

(Mokhtar bin Butti, 2022 ; 2:00 p.m)

KELANTAN

Berdasarkan cerita di atas, memperlihatkan nilai kebijaksanaan telah ditonjolkan melalui watak Lamugong yang merupakan ketua di perkampungan Bulud Sung. Hal ini dikatakan demikian kerana, Lamugong telah memilih sebuah bukit yang agak curam untuk memudahkan mereka melihat pergerakan penceroboh yang dikenali sebagai

pengait kepala (sagai) sebelum menyerang kawasan mereka semula lagi. Oleh demikian, watak Lamugong jelas menunjukkan nilai kebijaksanaan kerana beliau telah memilih tempat yang strategik untuk mereka menyelamatkan diri sebelum sagai atau dikenali dalam bahasa melayu sebagai pengait kepala menyerang kawasan mereka. Lamugong juga mengarahkan beberapa orang lelaki yang mahir di kawasan tersebut untuk meninjau sekiranya kawasan baharu yang mereka diami dapat dilihat dengan jelas melalui pandangan dari bawah bukit tersebut. Oleh itu, kebijaksanaan yang dimiliki oleh Lamugong untuk menyelamatkan diri dan pengikutnya daripada serangan pengait kepala dengan memilih kawasan baharu untuk mereka tinggal iaitu di sebuah bukit yang agak curam dan dapat melihat sebarang pergerakan daripada seberang sungai yang berhampiran dengan bukit yang mereka tinggal. Nilai kebijaksanaan yang dimiliki beliau merupakan sikap pemikiran yang berpandangan jauh dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas.

Hal ini juga bertepatan dengan pendekatan moral yang dipelopori oleh Hashim Awang (2002 : p2) yang menyatakan bahawa pembentukan moral dalam diri seseorang individu adalah disebabkan oleh bimbingan atau didikan yang betul dan menerapkan nilai-nilai moral dalam membentuk diri seseorang individu. Oleh itu, nilai kebijaksanaan yang dimiliki oleh Lamugong dalam cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" mampu menyelamatkan dirinya dan bersama pengikutnya daripada serangan pengait kepala yang telah memusnahkan perkampungan mereka. Cerita rakyat juga dapat membantu menjadi pemangkin dalam membentuk individu yang bermoral baik. Hal ini kerana, cerita rakyat mempunyai pengajaran di dalam ceritanya yang mampu memberi pendedahan kepada masyarakat pada masa itu dan juga masyarakat pada masa kini.

Seterusnya, cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” juga mempunyai nilai kebijaksanaan yang lain daripada watak yang sama iaitu Lamugong. Hal ini dikatakan demikian kerana, Lamugong mempunyai fikiran yang luas dan penyampaian Lamugong mudah difahami oleh para pengikutnya. Kebijaksanaan yang dimiliki oleh Lamugong dapat dilihat melalui cerita di bawah :

Si Lamugong ni hebat bah, sebab dia ni kan punya fikiran yang tajam dia bagitau sama pengikutnya kalau dorang ni mesti pasang perangkap untuk kasih kalah kumpulan sagai tu. Jadi ceritanya begini konon, pengikutnya ni pun pasanglah perangkap yang dorang buat guna kayu balak lepastu diikat sama rotan manau tu satu kali sama tiang belian lepastu digantung di pokok besar. Ada kan pokok kalau kita turun bukit tepi jalan tu nampak nah disitulah tu. Banyak konon perangkap dorang pasang di tempat tu. Jadi masa kumpulan sagai datang serang kawasan si Lamugong, kumpulan sagai tu termasuk pigi dalam perangkap dorang bah, nah sebab tebing yang dorang panjat tu ada perangkap tu jadi semua jatuh dan ada juga yang cedera mati.

(Mokhtar bin Butti, 2022 ; 2:00 p.m)

Berdasarkan cerita yang telah diceritakan oleh sumber, nilai kebijaksanaan dapat ditonjolkan dalam watak Lamugong. Hal ini dikatakan demikian kerana, Lamugong mempunyai akal budi yang bijaksana kerana beliau dapat berfikiran jauh dan mampu menjalankan tugas dengan penuh bijaksana. Sebagai contohnya, Lamugong mempunyai idea untuk membantu menyelamatkan diri mereka daripada serangan kumpulan sagai atau dikenali sebagai pengait kepala. Hal ini disebabkan oleh, Lamugong telah mengarahkan pengikutnya untuk memasang perangkap yang diperbuat daripada kayu balak dan diikat menggunakan rotan manau pada tiang belian dan digantung pada pokok besar. Perangkap yang telah di pasang di kawasan bukit tersebut telah mengalahkan kumpulan sagai untuk menyerang kawasan mereka kerana kayu balak yang di gantung berdekatan tebing telah terkena kumpulan sagai tersebut dan mereka terpaksa berundur.

Hal ini juga bertepatan dengan pendekatan moral yang dipelopori oleh Hashim Awang kerana cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" mempunyai nilai-nilai moral dalam ceritanya. Hal ini dapat dilihat melalui watak seorang ketua yang mempunyai kebijaksanaan untuk menyelamatkan kawasan tempat tinggal mereka. Oleh itu, nilai kebijaksanaan yang dimiliki oleh beliau juga dapat memaparkan sikap yang mampu mendidik pembaca ketika membacanya. Di samping itu, pendekatan moral yang terdapat dalam cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" dapat menjadi satu cara untuk disampaikan kepada masyarakat pada zaman dahulu dan pada masa kini. Hal ini kerana, nilai kebijaksanaan dapat membuka minda seseorang untuk berfikiran jauh dan bijak dalam membuat sesuatu keputusan.

4.1.4 Nilai Bermuafakat

Maksud bermuafakat menurut Abd Rahim Abd Rashid (2001 :p105) adalah semangat untuk saling bekerjasama dalam pelbagai aspek untuk mempertingkatkan menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan masyarakat. Oleh demikian, bermuafakat dapat di lihat dalam kehidupan masyarakat untuk melakukan sebarang aktiviti. Sebagai contohnya, masyarakat pada masa kini masih mengamalkan sifat saling bermuafakat dalam kehidupan terutamanya dalam aktiviti bergotong-royong, majlis perkahwinan dan kenduri. Nilai bermuafakat menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: p1045) bermaksud beberapa individu akan mengadakan perbincangan untuk mendapatkan persetujuan atau mengadakan mesyuarat dengan beberapa orang yang terlibat. Oleh itu, nilai bermuafakat dapat dilihat melalui cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" yang menerapkan semangat permuafakatan dalam kehidupan mereka seperti dalam cerita di bawah:

Masa kampung Bulud Sung di serang oleh sagai tu. Lamugong sama pengikutnya ni bertapak sampai subuh begitulah. Sebab konon di kampung dorang tu sagai masih ada sampai tengah malam. Jadi lepas sudah ndada sagai tu, dorang keluar dari tempat persembunyian dorang. Si Lamugong pun panggillah pengikutnya tu macam berkumpul untuk berbincang. Ada satu orang pemuda ni dia macam cadang konon supaya dorang ni berundur dari kampung dorang untuk masuk ke dalam hutan. Jadi ceritanya si Lamugong sama penduduk lain setuju dengan cadangan pemuda tu.

(Mokhtar bin Butti, 2022 ; 2:00 p.m)

Berdasarkan cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" di atas telah memperlihatkan penduduk di perkampungan Bulud Sung bersama ketua mereka yang bernama Lamugong telah mengadakan perbincangan untuk menyelesaikan masalah yang telah mereka hadapi disebabkan oleh serangan kumpulan pengait kepala di kampung mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, sekumpulan sagai atau dikenali sebagai pengait kepala telah mengancam keselamatan penduduk kampung mereka dan kawasan perkampungan mereka. Oleh itu, seorang pemuda telah memberi cadangan kepada Lamugong untuk melarikan diri ke dalam hutan untuk menyukarkan kumpulan pengait kepala menjumpai mereka kerana hutan tebal yang dicadangkan oleh pemuda tersebut adalah jauh daripada perkampungan mereka. Permuafakatan yang telah dilakukan oleh semua pihak bersetuju dengan cadangan yang telah dilontarkan oleh pemuda tersebut. Hal ini kerana, penduduk kampung memikirkan keselamatan isteri dan anak mereka yang juga turut terancam oleh kumpulan pengait kepala yang tidak berperikemanusiaan.

Hal ini juga bertepatan dengan pendekatan moral yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, bermuafakat juga merupakan salah satu nilai moral yang dapat dijadikan sebagai pengajaran dan panduan dalam kehidupan masyarakat. Selain itu, nilai bermuafakat yang terdapat dalam cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" juga memberi impak yang besar ketika

penduduk kampung dan ketua mereka iaitu Lamugong bersetuju dengan cadangan yang telah diberikan oleh seorang pemuda. Hal ini kerana, mereka bersetuju untuk melarikan diri ke kawasan hutan demi menyelamatkan diri mereka dan keluarga mereka. Justeru itu, sikap bermuafakatan dalam diri setiap individu amatlah penting kerana sifat ini dapat memberi kebaikan kepada semua orang. Nilai bermuafakat dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” juga memberi kesan kepada pembaca. Hal ini kerana, sikap bermuafakat dapat dijadikan sebagai tauladan dalam kehidupan masyarakat pada masa kini.

Selanjutnya, cerita rakyat “*Legenda Bukit Bagahak*” juga memaparkan kisah permuafakatan yang lain dalam diri penduduk kampung dan ketua mereka iaitu Lamugong. Hal ini pula dapat dilihat dalam diri ketua mereka iaitu Lamugong telah memberitahu kepada pengikutnya bahawa beliau pernah menjumpai satu tempat yang begitu cantik dan tiada penduduk yang tinggal di kawasan tersebut. Cadangan ini dilakukan oleh Lamugong untuk menyelamatkan nyawa penduduknya daripada serangan kumpulan pengait kepala. Oleh itu, cerita yang terdapat nilai bermuafakat dapat dilihat melalui cerita sumber seperti di bawah:

Lamugong ni sempat cakap sama penduduk kampungnya, yang dia pernah sampai di satu tempat yang cantik tapi ndada lagi orang tinggal di situ. Nah tapi untuk dorang sampai pergi tempat tu mesti naik rakitlah sebab macam mau seberang sungai yang dalam tu. Kata si Lamugong tempat yang dia nampak tu selamatlah sebab jauh dari kampung dorang ni. Semua penduduk kampung setuju dengan pendapat ketua dorang sebab kampung dorang di Bulud Sung tu musnah sudah.

(Mokhtar bin Butti, 2022 ; 2:00 p.m)

Berdasarkan cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" di atas menonjolkan sikap bermuafakat dalam diri penduduk kampung yang bersetuju dengan cadangan yang telah diberikan oleh ketua mereka iaitu Lamugong. Hal ini dikatakan demikian kerana, Lamugong telah memberi cadangan kepada pengikutnya untuk berpindah dari perkampungan Bulud Sung yang telah musnah disebabkan oleh sekumpulan pengait kepala ke kawasan yang pernah beliau jumpa tetapi tidak ada (nda ada) orang tinggal. Cadangan yang diberikan oleh Lamugong ini adalah untuk memikirkan nasib penduduk kampungnya yang tidak mempunyai tempat tinggal di perkampungan Bulud Sung yang telah musnah. Di samping itu, penduduk kampung juga memikirkan nasib isteri dan anak mereka yang turut terancam oleh kumpulan pengait kepala. Justeru itu, penduduk kampung bersepakat untuk bersetuju berpindah ke tempat baharu untuk mengelakkan di serang kumpulan pengait kepala semula. Nilai bermuafakat dapat dirumuskan melalui sikap penduduk kampung di perkampungan Bulud Sung. Hal ini kerana, bermuafakat dapat memberi impak yang baik kepada kehidupan mereka sekeluarga dan penduduk lain.

Selain itu, nilai bermuafakat juga bertepatan dengan pendekatan moral yang diasaskan oleh Hashim Awang. Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai-nilai moral seperti nilai bermuafakat yang terdapat dalam cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" mampu memberi semangat bekerjasama antara satu sama lain di kalangan penduduk kampung dan ketua mereka. Di samping itu, pendekatan moral juga membantu masyarakat untuk mengetahui nilai-nilai moral dan kepentingan nilai moral dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat "*Legenda Bukit Bagahak*" juga membantu masyarakat untuk menjadikan cerita rakyat tersebut sebagai panduan dan tauladan untuk mendidik diri dan keluarga menerapkan nilai-nilai moral dalam kehidupan terutamanya pada masa kini.

4.1.5 Nilai Bersyukur

Bersyukur menurut Yaacob, M.F.B.C (2018: p53), ialah perasaan yang wujud dalam diri seseorang yang berasa cukup dan sentiasa bersederhana dalam kehidupan dan juga mempunyai rasa untuk berterima kasih kepada orang lain atas bantuan ataupun pertolongan dan sentiasa bersyukur kepada Allah S.W.T kerana telah memberikan rezeki dan nikmat dalam kehidupan. Manakala menurut Arifin, N.B.M & Kamarudin, K.B (2017: p8-9), syukur pula adalah bermaksud kegembiraan yang dialami dan dirasai oleh seseorang individu setelah memperolehi nikmat daripada Allah SWT. Selain itu, erti syukur pula dapat dilihat dari segi amal perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu selepas mendapat kenikmatan yang diberikan oleh Allah SWT. Seterusnya, nilai bersyukur juga dapat dilihat sebagai tanda seseorang untuk berterima kasih kepada Allah SWT (Mahfud, C. 2014: p53).

Menurut al-Ghazali (1990: p731), syukur diertikan sebagai perasaan dalam diri seseorang yang lahir dari hati untuk berterima kasih atas nikmat yang diberikan oleh Allah SWT. Di samping itu, menurut Abidien, M.Z (2014: p67-68), syukur diertikan sebagai salah satu cara untuk seseorang individu berterima kasih kepada yang maha pencipta terhadap nikmat dan rezeki yang telah diberikan kepada diri seseorang tersebut. Oleh demikian, pelbagai cara untuk seseorang individu menunjukkan rasa bersyukur dalam diri terhadap Allah SWT sebagai contohnya menyebut kalimah *Alhamdulillah* dan sujud syukur kepada Allah SWT. Selanjutnya, nilai bersyukur juga dapat dilihat daripada cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” di mana penduduk kampung terselamat daripada penganas yang terdapat di perkampungan mereka. Hal ini dapat dilihat daripada cerita sumber di bawah;

Masa sagai tu jatuh sama ada yang juga mati sebab perangkap diorang tu kan, diorang Lamugong sama pengikutnya sujud syukur dan ucap syukur sama tuhan.

(Mokhtar bin Butti, 2022; 2:00 p.m)

Berdasarkan cerita diatas sumber menceritakan sifat penduduk kampung Bagahak yang menggambarkan nilai bersyukur dalam diri mereka dengan melafazkan kata syukur kepada Allah SWT setelah pengait kepala (sagai) telah termasuk ke dalam perangkap mereka. Selain itu, penduduk kampung juga berasa lega setelah mereka melihat kumpulan pengait kepala tersebut terpaksa berundur daripada perkampungan mereka kerana beberapa daripada kumpulan pengait kepala telah terkorban daripada serangan hendap yang dipasang oleh penduduk kampung. Menurut Emmons dan Mc Cullough (2003), bersyukur dapat menggembirakan, berasa selesa dan juga boleh melahirkan emosi dalam diri seseorang individu. Oleh itu, dapat dilihat melalui cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” iaitu sumber menceritakan penduduk kampung bersorak gembira dan saling berpelukan antara satu sama lain kerana usaha mereka untuk melemahkan kumpulan pengait kepala daripada menyerang mereka telah berjaya. Oleh itu, rasa syukur mampu memberi kebahagiaan kepada diri seseorang individu ataupun lebih.

Oleh demikian, nilai bersyukur dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” juga bertepatan dengan pendekatan moral yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu kerana pemikiran atau idea yang tercetus dapat diperolehi daripada pengalaman-pengalaman yang dapat mencipta satu persoalan untuk membawa manfaat yang berguna kepada masyarakat. Oleh demikian, nilai bersyukur yang dapat dilihat daripada cerita rakyat diatas mampu membantu dalam mendidik masyarakat

terutamanya penduduk kampung Bagahak yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut untuk sentiasa berhati-hati dalam melakukan sesuatu tindakan agar tidak jatuh ditangan musuh dan haruslah sentiasa bersyukur kerana Allah SWT masih membantu dan memberi nikmat kerana diberi peluang untuk meneruskan kehidupan bersama keluarga mereka.

Seterusnya, cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” juga mempunyai nilai bersyukur yang lain yang dapat dilihat melalui watak pasangan suami isteri yang akan menimang cahaya mata. Oleh itu, nilai bersyukur tersebut dapat dilihat melalui cerita di bawah:

Ada isteri yang mengandung ba jadi tinggal berapa hari lagi konon tunggu hari. Sudahlah lakinya ikut berperang sama sagai tu jadi isterinya lagi terpaksa ikut lari, nda sudah dia macam pikir kandugannya berserah jak dia sama tuhan. Nah masa isterinya besalin tu lakinya teriak bersyukur sebab anak sama isterinya selamat.

(Mokhtar bin Butti, 2022; 2:00 p.m)

Berdasarkan cerita rakyat diatas, sumber telah menceritakan situasi lain mengenai nilai bersyukur yang dapat dilihat melalui peristiwa peperangan antara penduduk kampung bagahak melawan pengait kepala (sagai). Hal ini dikatakan demikian kerana, seorang pemuda yang bakal menimang cahaya mata telah meninggalkan isterinya yang sarat mengandung kerana pemuda tersebut berjuang bersama-sama penduduk kampung lain menentang kumpulan pengait kepala. Selain itu, isterinya juga redha atas kandungannya sekiranya mereka tidak mempunyai rezeki pada ketika itu untuk menimang cahaya mata. Namun demikian, setelah suaminya pulang ke tempat persembunyian mereka, isterinya telah selamat melahirkan seorang bayi lelaki yang diberikan nama Tungku sempena penduduk kampung berjaya menentang kumpulan

pengait kepala tersebut. Suami isteri mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana memberi peluang kepada mereka berdua untuk menjaga amanah yang diberikan oleh Allah SWT. Penduduk kampung juga turut berasa gembira atas kelahiran bayi lelaki yang bernama Tungku.

Oleh itu, nilai bersyukur yang lahir dalam diri kedua pasangan suami isteri tersebut juga bertepatan dengan Teori Pengkaedahan Melayu kerana seseorang individu terutamanya yang bergama Islam haruslah mempunyai rasa bersyukur dalam diri masing-masing. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebahagiaan dan nikmat yang diperoleh oleh seseorang manusia adalah anugerah yang diberikan oleh Allah SWT kepada seseorang insan di muka bumi ini. Oleh itu, manusia yang memperolehi nikmat dan kebahagiaan haruslah bersyukur kepada yang maha pencipta dan sentiasa merendah hati kepada Allah SWT.

4.1.6 Nilai Kasih sayang

Menurut Ghazali, M.A (1987: p,92), kasih sayang bermaksud sifat yang ada dalam diri seseorang mampu melembutkan hati untuk memberikan rasa belas kasihan. Selain itu, menurut H Mod Rifai' l ed (1985: p,441), kasih sayang adalah perasaan yang halus dan belas kasihan yang wujud dalam hati untuk membawa kearah berbuat amalan utama sebagai contohnya memberi kemaafan dan berperilaku baik. Kasih sayang menurut Tajul arifin, et.al (1992: p,32) merupakan nilai kasih sayang yang terdiri daripada empat ciri iaitu sayang terhadap nyawa, sayang kepada alam sekitar, cinta akan tanah air dan cinta terhadap keamanan dan keharmonian. Oleh demikian, Tajul arifin, et.al berpendapat bahawa kasih sayang juga melambangkan kasih sayang yang tulus dan

mendalam, perasaan cinta terhadap sesuatu yang terdapat di muka bumi.

Selanjutnya, dapat dilihat juga daripada Abidien, M.Z (2014: p,64), yang mendefinisikan kasih sayang sebagai perasaan yang wujud dalam diri seseorang yang saling mengasihi antara satu sama lain, seperti kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya. Hal ini dikatakan demikian kerana, ibu sanggup mengandungkan anak selama 9 bulan 10 hari, melahirkan dan menyusui, merawat dan membesarkan anak mereka sehingga dewasa tanpa mengira penat lelah dan tidak berkira sedikit pun. Oleh itu, menerusi pendapat-pendapat tokoh mengenai nilai kasih sayang yang wujud dalam diri seseorang tanpa diungkapkan melalui perbuatan tetapi dapat dirasai dengan jelas oleh seseorang individu juga dapat dilihat melalui cerita rakyat “Legenda Bukit Bahagak”, sebagai contohnya sikap seorang ibu yang sanggup bergadai nyawa mempertahankan anak gadisnya.

Masa yang sagai datang pigi rumah orang kampung diorang sempat ba culik berapa orang perawan untuk macam dibuat bini dorang, jadi ibu-ibu ni kasi halang la anak diorang di culik sampai sanggup diorang la konon jadi tukaran.

(Almaidah binti Bullang, 2022; 10:00 a.m)

Berdasarkan cerita diatas, sumber yang merupakan cicit kepada salah seorang legenda dalam cerita rakyat tersebut telah menceritakan kisah moyangnya yang sanggup bergadai nyawa untuk mempertahankan neneknya yang telah di culik oleh kumpulan pengait kepala untuk dijadikan isteri secara paksa. Moyang beliau, sanggup bertukar tempat dengan anaknya untuk dijadikan isteri oleh salah seorang kumpulan pengait kepala tersebut tetapi tidak disetujui oleh lelaki yang telah jatuh hati kepada anaknya sehingga ibunya telah ditikam sehingga mati. Peristiwa hitam tersebut telah menjadi

ketakutan nenek kepada sumber tersebut untuk melihat orang meninggal dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana, anak kepada moyang sumber, merupakan seorang gadis yang jelita sehingga keanggunannya sering diperkatakan di kampung Bagahak. Kasih sayang yang wujud dalam diri ibu kepada nenek beliau telah memperlihatkan kasih seorang ibu tiada tandingnya di muka bumi ini.

Hal ini juga bertepatan dengan pendekatan moral yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang yang menggambarkan nilai kasih sayang yang terdapat pada ibu nenek sumber tersebut demi melindungi anaknya daripada di culik dan berkahwin dengan salah seorang kumpulan pengait kepala yang tidak berperikemusiaan. Oleh demikian, nilai kasih sayang bukan sahaja dapat dilihat melalui karya bertulis dalam sastera tetapi nilai kasih sayang juga dapat dilihat apabila seseorang mendengar mengenai cerita rakyat yang tidak dibukukan oleh mana-mana penulis. Menerusi pengalaman moral yang terdapat dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” dapat dijadikan contoh dan teladan dalam kehidupan masyarakat kerana cerita rakyat sebegini mampu membentuk keperibadian mulia kepada pendengar terutamanya golongan muda.

Selanjutnya, nilai kasih sayang yang lain juga dapat dilihat daripada watak ketua penduduk kampung Bagahak iaitu Lamugong yang sanggup bergadai nyawa demi penduduk kampungnya dan menganggap mereka semua bersaudara. Hal ini dapat dilihat melalui cerita rakyat di bawah:

Dia cakap sama pengikutnya tu konon yang dia anggap diorang tu semua saudaralah, sebab dia macam ndamau pengikutnya ada yang dengki satu sama lain ba. Si Lamugong ni sayang penduduk kampungnya macam adik beradik sudah.

(Almaidah binti Bullang, 2022; 10:00 a.m)

Berdasarkan cerita diatas, memperlihatkan watak seorang ketua iaitu Lamugong yang sayang terhadap penduduk kampungnya sehingga dia menganggap mereka seperti adik beradik. Hal ini kerana, Lamugong tidak mahu ada di antara pengikutnya mempunyai rasa dengki dan iri hati sesama sendiri kerana beliau takut sekiranya ada yang tidak berpuas hati atas layanan yang diberikan olehnya terhadap mereka. Selain itu, kasih sayang Lamugong terhadap penduduk kampung sangatlah tinggi seperti kasih seorang ayah kepada anak, kerana Lamugong sanggup tidak makan sekiranya makanan yang dimasak oleh kaum wanita tidak mencukupi semasa tempoh mereka bersembunyi (bertapak) di dalam hutan.

Oleh demikian, hal ini juga bertepatan dengan pendekatan moral kerana nilai kasih yang terdapat dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” telah memperlihatkan watak seorang ketua yang sangat sayang terhadap penduduknya. Oleh itu, nilai kasih sayang yang lahir dalam diri watak Lamugong merupakan kasih sayang yang tulus dan ikhlas tanpa meminta balasan daripada penduduknya. Pengalaman-pengalaman yang mampu mencipta nilai kasih sayang ini dapat dijadikan sebagai panduan dan pengajaran dalam kehidupan masyarakat dari zaman dahulu sehingga sekarang tanpa mengira tua ataupun muda.

4.1.7 Menepati Janji

Menurut Marzuki, M. Ag (2001: p,1) menepati janji merupakan satu sifat yang terpuji iaitu dapat dilihat dalam diri seseorang dan menjadi hiasan untuk melambangkan

keperibadian individu tersebut untuk mencapai kejayaan atas usaha yang dilakukan kerana apabila seseorang menepati janji akan dihormati oleh orang lain yang sedang bersama mereka. Selain itu, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: p980) menepati janji merupakan seseorang yang berpegang teguh atas janji atau kata-kata, menunaikan janjinya dan tidak memungkiri janji. Hal ini dapat dilihat, sekiranya seseorang itu tidak menepati janjinya itu menandakan sifat yang munafik dalam dirinya.

Menepati janji juga terdapat didalam ayat al-Quran kerana Allah telah menegaskan kepada umat manusia untuk menjadikan sifat tersebut sebagai kewajipan dalam kehidupan harian. Oleh demikian, berdasarkan daripada definisi-definisi yang telah diutarakan dapat disimpulkan sifat menepati janji haruslah dilakukan oleh seseorang yang telah berjanji untuk tidak melambangkan sifat munafik dalam diri individu tersebut. Justeru itu, nilai menepati janji ini dapat dilihat melalui peristiwa antara Lamugong dengan penduduk kampung suku kaum Iranun berdasarkan cerita dibawah:

Suku iranun ni yang ketuanya di panggil Datu Kabugatan dan Datu Kasilan menolong sama diorang si Lamugong sebab pernah ada perjanjian ba kalau kampung diorang si Lamugong di serang diorang suku Iranun ni akan tolong.

(Mokhtar bin Butti, 2022; 9:00 a.m)

Berdasarkan cerita rakyat yang diperoleh daripada sumber, beliau mengatakan semasa berlaku peperangan antara penduduk kampung Bagahak bersama pengait kepala, sekumpulan suku kaum Iranun yang diketuai oleh Datu Kabugatan dan Datu Kasilan telah membantu mereka untuk berjuang bersama-sama mengalahkan kumpulan pengait kepala tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, Lamugong mempunyai jalinan yang

baik dengan suku kaum Iranun dan juga merupakan salah seorang sahabat kepada Datu Kabugatan. Oleh demikian, semasa kumpulan pengait kepala telah menyerang perkampungan baru penduduk Bagahak telah diketahui oleh suku kaum Iranun dan mereka bersiap sedia untuk menyerang balas terhadap tindakan yang tidak berperikemanusiaan kumpulan pengait kepala terhadap penduduk kampung Bagahak.

Hal ini telah bertepatan dengan pendekatan moral yang dipelopori oleh Hashim Awang (2002) kerana nilai menepati janji yang terdapat dalam diri suku kaum Iranun dan ketua mereka jelas berpandukan dengan pendekatan moral yang boleh membentuk keperibadian seseorang individu untuk menjadi lebih baik. Di samping itu, melalui cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” dapat memberi pengalaman kepada pendengar kerana sifat menepati janji yang ditonjolkan melalui watak suku kaum Iranun dan ketua mereka dapat memberi pendedahan kepada mereka untuk menunaikan janji dalam kehidupan sesama manusia.

Seterusnya, nilai menepati janji juga dapat dilihat melalui watak Lamugong kerana beliau amat terhutang budi dan nyawa terhadap penduduk kampung suku kaum Iranun, Datu Kabugatan dan Datu Kasilan yang dapat dilihat berdasarkan cerita di bawah:

Masa sagai tu banyak mati oleh suku Iranun, si Lamugong ni peluk kawannya dua orang tu sampai dia besumpah yang suku Iranun ni bersaudara sampai tujuh keturunan dengan penduduk kampung Bagahak.

(Indah binti Yusuf, 2022; 9:00 a.m)

Berdasarkan cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” telah memperlihatkan sifat menepati janji dalam diri Lamugong kerana beliau telah berjanji dan bersumpah di depan penduduk kampungnya dan penduduk suku kaum Iranun yang juga diketuai oleh Datu Kabugatan dan Datu Kasilan bahawa dua suku kaum tersebut akan bersaudara sehingga tujuh keturunan. Di samping itu, menurut sumber persaudaraan antara penduduk kampung Bagahak dengan suku kaum Iranun masih terjalin sehingga ke hari ini. Oleh itu, kata-kata yang dikeluarkan oleh Lamugong masih dijadikan sebagai amanat oleh penduduk kampung Bagahak dari peristiwa legenda Bukit Bagahak sehingga sekarang.

Oleh demikian, hal ini bertepatan dengan pendekatan moral kerana sifat yang ditonjolkan oleh Lamugong bersama penduduk kampung Bagahak iaitu menepati janji tidak diingkari oleh penduduk di perkampungan Bagahak sehingga ke hari ini. Oleh itu, jelaslah bahawa penduduk kampung Bagahak sangat menitikberatkan sifat untuk menunaikan janji di dalam diri mereka. Sifat menepati janji yang terdapat dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” juga merupakan salah satu cara untuk memperlihatkan kepada masyarakat betapa pentingnya amalan menepati janji dalam kehidupan dan juga amat ditegaskan dalam agama Islam.

4.1.8 Nilai Baik Hati

Yaacob, M.F.C, et.al, (2022: p,22) mendefinisikan baik hati sebagai perilaku seseorang manusia yang dapat menggambarkan sikap yang prihatin terhadap orang lain untuk menjaga hubungan sesama masyarakat dan kebajikan antara satu sama lain. Selain itu, menurut Arifin, N. (2006: p,69) baik hati adalah perasaan belas yang lahir dalam diri seseorang untuk dapat memberikan manfaat serta kebaikan untuk diri sendiri ataupun

orang lain. Di samping itu, baik hati menurut Musa, H. (2008: p,70) adalah sikap seseorang yang bertimbang rasa kepada perasaan dan kedudukan orang lain serta mempunyai rasa simpati dalam diri untuk sentiasa membantu orang yang lebih memerlukan sama ada memberikan sumbangan dalam bentuk sokongan moral ataupun barang-barang.

Seterusnya, menurut Nordin, T.A. (1992: p,30) baik hati adalah merupakan sikap seseorang yang mengambil peduli tentang perasaan orang lain dengan ikhlas. Oleh demikian, baik hati dapat dilihat merupakan nilai moral yang menggambarkan perilaku seseorang manusia yang wujud dalam dirinya. Nilai baik hati juga dapat dilihat melalui cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” yang digambarkan melalui watak Lamugong yang telah diceritakan oleh informan dalam cerita di bawah:

Benda yang bagus kan dalam ketua diorang ni, baik hati ba dia nda berkira sama pengikutnya. Macam konon Lamugong masa ada anak-anak kecil datang sama dia tu minta makanan yang dia makan, sanggup ba dia bagi padahal dia pun lapar jugak.

(Almaidah binti Bullang, 2022; 10:00 a.m)

Melalui cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak”, tukang cerita telah memberikan gambaran sifat baik hati melalui watak Lamugong yang merupakan ketua penduduk Bagahak pada ketika itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, semasa Lamugong makan datang seorang budak kecil yang kelaparan meminta makanan kepadanya tanpa berfikir panjang Lamugong telah memberikan makanan yang telah separuh dimakannya kepada budak kecil itu walaupun ketika itu dia juga kelaparan kerana, Lamugong dan penduduk Bagahak kaum lelaki sibuk untuk menyelamatkan

perkampungan baru mereka daripada serangan pengait kepala (sagai) pada ketika itu. Sifat baik hati yang ditonjolkan dalam diri Lamugong yang sanggup memberikan makanannya kepada budak kecil yang datang kepadanya mampu membahagiakan budak kecil tersebut kerana tenaga orang dewasa dan kanak-kanak adalah berbeza.

Hal ini juga bertepatan dengan pendekatan moral yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu kerana, nilai baik hati merupakan salah satu nilai moral yang harus dicontohi dalam diri seseorang individu untuk membentuk perilaku yang baik dan mampu bersifat belas kasihan kepada orang di sekeliling. Oleh demikian, cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” telah memberi gambaran mengenai kebaikan seseorang apabila mempunyai sifat baik hati dalam diri seperti dapat dilihat melalui sifat Lamugong yang memberi makanannya kepada budak kecil yang datang kepadanya. Justeru itu, sifat baik hati dalam diri seseorang mampu memberikan sumbangan kepada orang lain sama ada berbentuk kebendaan ataupun sokongan moral.

4.1.9 Nilai Merendah Diri

Rozak, P. (2017: p,177) rendah diri adalah berasal daripada perkataan “tawadhu” iaitu perlakuan manusia yang mencerminkan sifat rendah hati, tidak angkuh, tidak sombong dan sentiasa merendah diri terhadap orang lain walaupun mempunyai kelebihan daripada orang lain. Di samping itu, “tawadhu” juga diistilahkan sebagai *wadh'a* yang bermaksud merendahkan dan juga berasal daripada kata *ittadha'a* yang bermaksud merendahkan diri. Manakala menurut Yaacob, M.F.C (2018: p,52) merendah diri adalah sebuah nilai murni yang boleh memberi gambaran kepada manusia untuk menjadikannya sebagai pengajaran agar bersikap sederhana dan tidak sombong

dalam kehidupan. Selain itu, nilai merendahkan diri merupakan salah satu sifat yang berkaitan rapat dalam diri manusia. Oleh itu, nilai merendahkan diri dapat dilihat melalui cerita rakyat di bawah:

Si Lamugong punya perangai ni sanggup tidur sama-sama penduduk kampung di atas tanah yang dilapis sama kain buruk seja. Padahal ada satu macam dibuat tilam ba tapi dari kayu untuk si Lamugong tidur tetap jugak dia ndamau.

(Indah binti Yusuf, 2022; 9:00 a.m)

Berdasarkan cerita di atas memperlihatkan watak seorang ketua iaitu Lamugong yang merendahkan diri walaupun beliau merupakan ketua untuk penduduk kampungnya kerana, Lamugong tidak ingin tidur di katil yang diperbuat daripada kayu oleh penduduk kampungnya semasa mereka melarikan diri ke hutan. Namun demikian, Lamugong tidur bersama-sama penduduk kampungnya di tanah hanya beralas kain buruk yang sempat di bawa lari oleh kaum wanita. Sifat merendahkan diri yang ditonjolkan oleh Lamugong memberi kesan kepada penduduk kampung Bagahak untuk lebih menghormati beliau. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut tukang cerita kisah kehidupan pemimpin Lamugong dalam perkampungan Bagahak, Tungku sehingga sekarang masih diingati.

Hal ini juga bertepatan dengan pendekatan moral kerana sifat yang ditonjolkan oleh Lamugong banyak memaparkan nilai-nilai murni dalam diri beliau. Oleh itu, nilai murni merendahkan diri ini juga mampu memberi kesan kepada pendengar ataupun pembaca apabila mendengar dan membaca cerita rakyat "legenda Bukit Bagahak. Selain itu, nilai moral merendahkan diri ini dapat memberi gambaran mengenai kehidupan

masyarakat-masyarakat terdahulu yang menitikberatkan nilai-nilai moral dalam kehidupan mereka.

Seterusnya, nilai merendah diri juga dapat dilihat daripada watak isteri kepada Lamugong yang tidak sombong terhadap penduduk kampung Bagahak dapat dilihat melalui cerita di bawah:

Lamugong ni ada isteri ba jadi masa diorang betapuk pigi hutan, isterinya ni sama-sama menolong kaum perempuan di situ, padahal perempuan disitu macam nda suruh dia menolong sebab dia kan isteri bos diorang.

(Almaidah binti Bullang, 2022; 10:00 a.m)

Berdasarkan cerita informan, beliau menceritakan sifat isteri Lamugong yang tidak sombong untuk membantu kaum perempuan semasa mereka bersembunyi (bertapuk) di hutan walaupun mereka tidak menyuruh isteri Lamugong untuk tidak membantu mereka kerana menganggap isteri Lamugong sebagai orang atasan mereka tetapi isteri Lamugong tetap berkeras untuk membantu mereka seperti menyediakan makanan dan bahan masakan yang diambil daripada sumber hutan. Oleh itu, dapat dilihat walaupun isteri Lamugong merupakan isteri kepada ketua penduduk kampung Bagahak namun sifat yang ditunjukkan dalam dirinya membuktikan bahawa beliau seorang yang bersikap rendah hati.

Hal ini juga bertepatan dengan pendekatan moral kerana melalui gambaran yang telah diberikan oleh informan mengenai watak isteri Lamugong yang bersikap rendah hati dan tidak mementingkan status beliau sebagai isteri kepada Lamugong mampu

memberi pertolongan dan meringankan beban kaum wanita untuk menyiapkan makanan sepanjang tempoh mereka bersembunyi di dalam hutan. Oleh itu, dapat dilihat sifat merendah hati ini merupakan sifat yang mulia dalam kehidupan kerana seseorang yang tidak mementingkan darjatnya dan tidak sombong kepada orang bawahan mampu memberi pengajaran kepada orang lain untuk mencontohi sifat tersebut dalam kehidupan mereka.

4.1.10 Nilai Persahabatan

Bakar, M. S. A, et.al, (2013: p, 25) menyatakan makna persahabatan daripada pandangan al-Ghazali (1998) iaitu masyarakat yang duduk dalam lingkungan yang berdekatan dan berjiran dalam satu kelompok yang juga diertikan sebagai sebagai sebuah keluarga. Persahabatan yang wujud dalam diri seseorang individu adalah disebabkan mereka tinggal bersama dan bergaul antara satu sama lain sehingga menimbulkan rasa kasih sayang dalam diri mereka dan saling mengasihi antara satu sama lain. Di samping itu menurut Yaacob, M. F. C (2014: p,55) persahabatan merupakan kasih sayang antara manusia antara satu sama lain yang boleh menimbulkan perasaan belas kasihan yang wujud daripada hati seseorang individu tersebut sehingga tidak mempunyai sempadan waktu atau mementingkan diri dan dapat membawa kearah kehidupan yang harmoni dan baik dalam lingkungan masyarakat. Oleh itu, nilai persahabatan dapat dilihat melalui cerita rakyat di bawah:

Penduduk kampung Bagahak memang semua rapat sebab masa diorang di serang oleh sagai tu ndda pun macam diorang kasih tinggal orang kampung diorang, sebab diorang ni dari lahir memang sudah hidup sama-sama ba.

(Indah binti Yusuf, 2022; 9:00 a.m)

Berdasarkan cerita diatas dapat memperlihatkan nilai persahabatan yang wujud dalam diri semua watak penduduk kampung Bagahak kerana semasa perkampungan mereka di serang oleh kumpulan pengait kepala (sagai) mereka tetap melarikan diri bersama-sama. Hal ini kerana, mereka telah menganggap penduduk kampung Bagahak sebagai keluarga mereka dan mengasihi antara satu sama lain. Oleh itu, dapat dilihat persahabatan yang telah wujud dalam cerita rakyat “legenda Bukit Bagahak” kerana mereka telah membesar bersama-sama dari kecil lagi oleh itu mustahil bagi mereka untuk meninggalkan sahabat mereka ketika dalam kesusahan. Di samping itu, menurut informan penduduk kampung Bagahak juga kebanyakannya masih mementingkan persahabatan mereka sehingga ke hari ini kerana penduduk Bagahak yang kini tinggal di perkampungan Tungku masih menganggap jiran-jiran mereka sebagai saudara dan sentiasa membantu sekiranya ada penduduk kampung yang berada dalam kesusahan.

Hal ini juga bertepatan dengan pendekatan moral yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu kerana seseorang individu atau masyarakat yang hidup dalam sekelompok atau dikenali sebagai hidup berjiran telah menjalinkan hubungan sosial atau ikatan ukhuwah antara sesama manusia sehingga dapat menimbulkan rasa belas kasihan dan saling menyayangi antara satu sama lain. Oleh demikian, nilai moral dapat dilihat melalui sifat penduduk kampung Bagahak yang saling menyayangi antara satu sama lain sehingga tidak dapat menimbulkan rasa iri hati dalam diri mereka semasa

perkampungan Bagahak di serang oleh kumpulan pengait kepala.

Selanjutnya, nilai persahabatan juga dapat dilihat dalam watak Datu Kabugatan dan Lamugong yang telah terjalin semasa Lamugong sentiasa menziarahi Datu Kabugatan di rumah beliau dapat dilihat melalui cerita di bawah:

Suku Iranun sama suku Begak ni memang rapat dari dulu lagi sampai sekaranglah kampung kita dekat seja kan. Jadi masa kampung diorang Lamugong di serang, suku Iranunlah yang menolong ba dari sagai tu sebab suku Begak ni nda pernah begaduh sama suku Iranun lagipun Datu Kabugatan tu kawan si Lamugong.

(Indah binti Yusuf, 2022; 9:00 a.m)

Berdasarkan cerita daripada informan, nilai persahabatan juga wujud dalam diri Datu Kabugatan dan Lamugong kerana mereka merupakan ketua pemimpin untuk suku Iranun dan suku Begak di perkampungan mereka. Di samping itu, Lamugong sentiasa menziarahi sahabatnya iaitu Datu Kabugatan di rumah beliau. Oleh itu, hubungan ukhwah mereka telah terjalin dengan erat dan saling menyayangi antara satu sama lain. Selain itu, suku Iranun dan Suku Begak tidak pernah bermasam muka dan berlaku pertelingkahan sesama mereka. Hal ini lebih mengeratkan hubungan mereka dan membuat suku Iranun turut membantu perkampungan Bagahak ketika diserang oleh kumpulan pengait kepala. Suku Iranun juga merupakan suku yang dikenali sebagai suku yang berani ketika itu dan bijak dalam mengatur strategi mereka untuk menyelamatkan perkampungan mereka daripada turut diserang oleh kumpulan pengait kepala.

Hal ini juga bertepatan dengan pendekatan moral yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu kerana melalui gambaran watak antara Datu Kabugatan dan Lamugong yang bersahabat dan saling menyayangi antara satu sama lain dapat membentuk keperibadian yang baik dalam diri mereka dan mampu memberi pendedahan dan pengajaran kepada penduduk antara kedua-dua kampung tersebut untuk sentiasa mengekalkan persahabatan sesama mereka. Oleh demikian, nilai persahabatan yang telah wujud dalam diri penduduk kampung Bagahak dan Iranun telah mewujudkan hubungan yang baik dan mampu memperlihatkan betapa pentingnya kehidupan bersahabat dengan jiran kerana dalam lingkungan masyarakat yang hidup berjiran haruslah saling bantu antara satu sama lain kerana jiran adalah diertikan sebagai keluarga dalam kehidupan berjiran dan dapat mewujudkan suasana yang harmoni sekiranya masyarakat saling bersahabat antara satu sama lain dalam kelompok mereka.

4.2 Kesimpulan

Kesimpulannya kajian ini mengkaji mengenai nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak”. Nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat diatas dapat dilihat melalui watak-watak yang menonjolkan nilai-nilai moral dalam kehidupan harian mereka. Oleh demikian, hasil daripada kajian yang dilakukan terdapat sepuluh nilai moral dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” antaranya ialah nilai taat setia, tolong-menolong, kebijaksanaan, bermuafakat, bersyukur, kasih sayang, menepati janji, baik hati, merendah diri dan persahabatan. Seterusnya kajian ini juga menggunakan pendekatan moral untuk memberi fokus terhadap nilai-nilai moral dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak”.

BAB 5

RUMUSAN DAPATAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab terakhir dalam kajian ini dan pengkaji akan merumuskan dapatan kajian yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelumnya secara ringkas dan terperinci. Di samping itu, melalui bab lima ini juga turut mengemukakan beberapa cadangan yang boleh diambil kira dan wajar untuk diutarakan sebagai refleksi terhadap keseluruhan kajian ini. Selanjutnya, yang terakhir adalah kesimpulan untuk keseluruhan mengenai kajian ini.

5.1 Rumusan Dapatan

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan dapat dilihat kajian ini penting dan wajar diteruskan kerana melalui kajian ini dapat membuktikan bahawa terlalu banyak elemen nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat “legenda Bukit Bagahak” yang boleh dijadikan panduan dan pengajaran untuk mendidik masyarakat terutamanya

golongan muda pada hari ini yang menganggap cerita-cerita sedemikian hanya rekaan semata-mata dan dijadikan untuk hiburan mengisi masa lapang tanpa mengambil kira kelebihan yang terdapat dalam cerita rakyat. Di samping itu, mereka juga beranggapan bahawa penceritaan cerita rakyat tidak memberi pedoman dan faedah kepada mereka untuk dikaitkan dalam kehidupan harian mereka. Oleh demikian, menerusi kajian ini dapat membuktikan hasil daripada dapatan kajian telah menemukan sepuluh nilai-nilai moral yang boleh dijadikan pengajaran dan dapat membentuk keperibadian yang baik sejak dari kecil lagi.

Selain itu, kajian ini wajar diteruskan kerana kajian ini menekankan elemen-elemen nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” yang telah diceritakan oleh beberapa orang penduduk kampung di daerah Tungku, Lahad Datu, Sabah. Seterusnya, untuk menganalisis kajian mengenai nilai-nilai moral, Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral digunakan kerana teori ini bersesuaian dengan kajian mengenai cerita rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana, menerusi teori ini telah menjadi landasan utama dalam kajian untuk mengeluarkan nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak”. Di samping itu, nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” amat dominan dengan pendekatan moral kerana teori ini amat bersesuaian dan begitu kukuh untuk menganalisis prosa tradisional berbanding dengan teori kritikan Barat yang dikatakan agak kurang bersesuaian untuk menganalisis karya-karya sastera Melayu seperti cerita rakyat.

Justeru itu, hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat rakyat “Legenda Bukit Bagahak” dapat dijadikan sebagai panduan untuk mendidik masyarakat yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut untuk sentiasa

bersifat baik dan sopan dalam kehidupan mereka. Seterusnya cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” juga dapat dijadikan iktibar dan panduan kepada pembaca dan pendengar di luar sana terutamanya di daerah Lahad Datu, Sabah. Di samping itu, nilai-nilai moral ini juga dapat menjadi bahan untuk sumber pendidikan kepada generasi muda dan golongan kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana, golongan kanak-kanak lebih cenderung dan berminat apabila mendengar cerita-cerita yang mempunyai unsur luar biasa pada zaman dahulu. Misalnya, melalui cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” terdapat unsur peperangan antara penduduk kampung dengan kumpulan pengait kepala yang dapat menarik minat mereka untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai cerita rakyat. Selain itu, menerusi watak-watak yang terdapat dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” dapat memberi iktibar kepada pendengar dan pembaca kerana melalui nilai-nilai moral yang ditonjolkan oleh watak-watak tersebut dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi pada ketika itu dapat memberi rangsangan kepada pembaca dan juga pendengar untuk mencontohi dan dijadikan panduan dalam kehidupan harian mereka.

5.2 Cadangan

Menerusi kajian ini beberapa cadangan dikemukakan untuk pengkaji yang akan datang agar kajian berkaitan dengan nilai-nilai moral dapat menghasilkan natujah yang terbaik.

Cadangan-cadangan tersebut ialah:

Kajian ini menggunakan cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” yang telah diceritakan oleh penduduk kampung di daerah Tungku, Lahad Datu, Sabah sebagai bahan utama untuk mengkaji nilai-nilai moral dalam kehidupan masyarakat pada zaman dahulu. Oleh

itu, bagi kajian akan datang disarankan untuk melakukan kajian dengan menggunakan cerita-cerita rakyat yang lain kerana seperti yang kita ketahui di setiap negeri dan daerah yang terdapat di Malaysia mempunyai cerita-cerita rakyat yang berbeza. Sebagai contohnya di negeri Sabah mempunyai pelbagai suku kaum dan etnik yang berbeza oleh demikian pelbagai cerita rakyat yang belum diketahui oleh masyarakat yang bukan berasal daripada negeri Sabah. Oleh itu, untuk kajian yang akan datang juga dicadangkan untuk mengkaji cerita-cerita rakyat yang belum dibukukan dan diterbitkan untuk lebih menambah pengalaman pembaca dan pengkaji. Justeru itu, hal ini menunjukkan kelainan yang akan berlaku dalam kajian yang seterusnya, kerana dapat dilihat kajian-kajian sebelumnya banyak menggunakan karya-karya yang telah dibukukan terutamanya dalam cerita rakyat kerana pelbagai cerita rakyat yang tidak diketahui oleh pembaca yang juga mempunyai nilai-nilai moral yang terkandung dalam jalan cerita kehidupan masyarakat pada ketika itu. Di samping itu, pengkaji juga disarankan untuk mengkaji puisi-puisi Melayu untuk mengeluarkan nilai-nilai moral yang terkandung dalam puisi tersebut.

Cadangan yang seterusnya ialah mengkaji aspek nilai menggunakan teori yang berlainan dari kajian ini yang menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral. Oleh itu, untuk pengkaji seterusnya disarankan menggunakan teori yang berbeza untuk memperlihatkan kelainan dalam mengkaji aspek nilai seperti menggunakan Teori Sosiologi kerana melalui teori tersebut dapat memperlihatkan aspek nilai dari segi kemasyarakatan, sosial, sudut pandang terhadap sebuah komuniti dan mengkaji kedudukan dan kewajipan seseorang individu dalam lingkungan masyarakat (Mana Sikana, 2016: p,198). Hal ini dikatakan demikian kerana, Teori Sosiologi ini berkait rapat dengan kehidupan masyarakat yang boleh menggambarkan keadaan sesebuah masyarakat dalam karya yang akan dikaji. Hal ini juga bersesuaian dengan karya yang dikaji iaitu cerita rakyat "Legenda Bukit Bagahak" yang banyak

memperlihatkan tentang kehidupan masyarakat.

Selanjutnya, kajian ini menekankan nilai-nilai moral iaitu dari sudut positif. Oleh itu, untuk kajian yang seterusnya disarankan untuk melakukan kajian dari sudut lain seperti melakukan kajian berdasarkan unsur intrinsik yang mana memperlihatkan tema, plot, latar, watak dan gaya bahasa menerusi cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak”. Hali ini dikatakan demikian kerana, cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” ini masih belum dikaji oleh pengkaji lain oleh itu disarankan untuk pengkaji yang seterusnya dapat melaksanakan kajian yang berkaitan dengan cerita rakyat menggunakan unsur intrinsik. Hal ini juga bertujuan untuk mengangkat cerita rakyat yang tidak diketahui oleh orang ramai terutamanya masyarakat di Malaysia.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melakukan temu bual bersama penduduk kampung di Tungku, Lahad Datu, Sabah untuk mendapatkan data mengenai kajian. Di samping itu, kaedah kepustakaan dan laman sesawang juga digunakan dalam kajian ini. Oleh itu, untuk pengkaji yang seterusnya disarankan untuk melakukan kajian menggunakan kaedah kuantitatif yang mana kaedah ini boleh mengetahui dan mengambil beberapa orang responden terutamanya penduduk kampung Bagahak, Tungku yang mengentahu mengenai cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak. Hal ini kerana, cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” ini merupakan cerita rakyat yang masih diketahui oleh penduduk di perkampungan tersebut. Pengkaji juga dapat melaksanakan kajian dengan lebih luas kerana pengkaji bukan sahaja memperoleh data daripada sumber yang ditemu bual tetapi dapat memperolehi maklumat dari sudut pandang masyarakat mengenai cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” yang kaya dengan nilai-nilai moral dalam kehidupan bermasyarakat.

Kajian ini juga hanya dilakukan untuk melihat nilai-nilai moral yang ditonjolkan dalam watak cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak”. Justeru itu, kepada pengakaji yang seterusnya disarankan untuk mengkaji dengan lebih meluas yang mana tidak tertumpu terhadap watak-watak dalam cerita rakyat tersebut tetapi melihat bagaimana keberkesanan nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” kepada masyarakat di kawasan Lahad Datu, Sabah. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui nilai-nilai moral yang terkandung dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” mampu mendidik masyarakat untuk lebih bermoral kerana cerita rakyat bukan sahaja digunakan sebagai hiburan dalam kehidupan masyarakat tetapi juga mampu memberikan pengajaran dan teladan kepada masyarakat.

5.3 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa nilai-nilai moral yang terdapat dalam cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” yang ditonjolkan melalui watak-watak yang terdapat dalam cerita tersebut dapat memberi teladan untuk mendidik masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, watak-watak dalam cerita tersebut menonjolkan sifat yang penuh nilai-nilai moral seperti taat setia, bermuafakat, kebijaksanaan, tolong-menolong, bersyukur, kasih sayang, baik hati, menepati janji, persahabatan dan merendah diri. Oleh itu, nilai-nilai moral tersebut membawa kesan yang positif kepada masyarakat untuk dijadikan sebagai pengajaran dan penduan dalam kehidupan harian kerana sifat yang ditunjangi dengan nilai-nilai moral mampu memberi kebaikan kepada diri sendiri dan juga orang lain. Justeru itu, cerita rakyat “Legenda Bukit Bagahak” merupakan cerita rakyat yang bukan sahaja boleh dijadikan sebagai hiburan masyarakat terutamanya di negeri Sabah tetapi melalui cerita rakyat tersebut juga dapat mendidik masyarakat untuk menjadi lebih bermoral sekiranya diterapkan dari muda lagi.

Tuntasnya, melalui kajian ini juga dapat menarik minat pengkaji lain untuk mengkaji mengenai cerita rakyat yang belum diketahui oleh masyarakat kerana terdapat pelbagai cerita rakyat yang berbeza suku kaum dan bangsa di negara Malaysia untuk dijadikan sebagai bahan didikan dan pengajaran sesama masyarakat kerana menerusi kajian ini membuktikan bahawa terdapat banyak nilai-nilai moral yang boleh dilihat oleh pembaca untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dalam kehidupan.



Rujukan

- Abd Rahman, r., Zaini, a. r. b., & Arab, I. (2016). *Pembangunan Dan Cabaran Diaspora Citra Bangsa (Local Genius): Kajian Etnomonologi Lagenda Mahsuri*, Langkawi, Malaysia.
- Amferim, S. S., & Abdullah, N. A. V. (2017). Aspek moral dalam drama muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu karya Hatta Azad Khan (Moral aspects of muzikal Pi Mai Pi Mai Tang Tu by Hatta Azad Khan). *Geografia*, 13(3).
- Arifin, N. (2006). *Nilai-nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Projek Akhir Ijazah Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Awang, H. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*, Kertas Kerja Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera. Jabatan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka di Riviera Bay Resort, Melaka.
- Bakar, M. S. A., Long, A. S., & Bakar, I. A. (2013). Perspektif Aristotle dan Al-Ghazali Terhadap Konsep Persahabatan. *Jurnal Hadhari*, 5(1), 21-36.
- Bandan, A. H. (1999). *Cerita rakyat kaum bajau semporna, Sabah: suatu analisis citra masyarakat* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Bin Mohamad, M. N. A. H., & bin Che Yaacob, M. F. (2021). Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *PENDETA*, 12(1), 11-25.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2021). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang mempertalikan politik tempatan: Analisis pragmatik. *Issues in Language Studies*, 10(1), 110-130.
- Eliastuti, M. (2018). Analisis Nilai-Nilai Moral Dalam Novel "Kembang Turi" Karya Budi Sardjono. *Genta Mulia: Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 8(1).
- Firdaus, M., Faizah, H., & Manaf, N. A. (2013). Cerita Rakyat Masyarakat Rambah Kabupaten Rokan Hulu Provinsi Riau. *Bahasa, Sastra, dan Pembelajaran*, 1(2).

- Hanafiah, M. N. A. H. M., & Yaacob, M. F. B. C. (2020). Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*.
- Hanafiah, M. N. A. H. M., Yaacob, M. F. B. C., Ab Rashid, S. F., & Jusoh, S. A. (2021). Polimik dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak.
- Hedel, N. E. F., & Subet, M. F. (2020). Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 147-160.
- Ismail, M. F. B., & Yaacob, M. F. B. C. (2018). Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 6(2), 101-120.
- Ismail, M. F., Muhammad, S. J. N., & Yusop, M. S. (2015). Cerita rakyat Melayu: Suatu analisis pancaran jati diri masyarakat Melayu sebagai cerminan kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Ismail, M. S., Bakar, R. A., & Effendy, N. R. N. M. (2018). Cerita jenaka Melayu suatu manifestasi watak dan perwatakan positif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 296-329.
- Jusoh, S. A. B., Yaacob, M. F. B. C., & Abdillah, N. B. (2021). Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu. *PENDETA*, 12(2), 67-79.
- Kamarudin, S. A. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kawulur, J. N. B. (2013). Kajian Visual Karakter Dalam Buku Cerita Rakyat. *Ultimart: Jurnal Komunikasi Visual*, 6(1), 27-30.
- Kayati, N. (2018). Nilai Kepahlawanan dalam Novel Hanoman Karya Pitoyo Amrih Pendekatan Sosiologi Sastra dan Implementasinya sebagai Bahan Ajar Sastra di SD. *Stilistika: Kajian Bahasa, Sastra, dan Pembelajarannya*, 3(2).
- Kembaren, M. M., Nasution, A. A., & Lubis, M. H. (2020). Cerita rakyat Melayu sumatra utara berupa mitos dan legenda dalam membentuk kearifan lokal masyarakat. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 1-12.

- Low, K. O. (2001). *Citra wira rakyat dalam legenda Mat Salleh*. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Low, K. O. (2003). "Membaca Silam Kadazandusun Berasaskan Mitos dan Legenda". Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- MASADOR, J., ALI, A. H., & WAHID, A. (2021). NILAI KEPAHLAWANAN DALAM TANGON TERPILIH SUKU KIMARAGANG DI SABAH: Heroism Values in Selected Tangon of the Kimaragang Community in Sabah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*.
- Musa, H. (2008). *Hati Budi Melayu Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21/Hashim Hj Musa*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Noordin, T. A. (1992). *Pendidikan dan wawasan 2020*. Arena Ilmu.
- Nuwa, G. G. (2020). Menggali nilai-nilai kepahlawanan Mo'an Teka Iku ditinjau dari aspek Pembelajaran PKn. *Bhineka Tunggal Ika: Kajian Teori dan Praktik Pendidikan PKn*, 7(2), 134-142.
- Omar, R., Ishak, M. S. A., & Mustafa, S. E. (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 291-319.
- Ratnawati, R. (2021). Nilai Moral Dalam Cerita Rakyat Gunung Tangkuban Perahu Versi Kuningan. *Jurnal Suluh Edukasi*, 2(1), 1-12.
- Rinyuk, F. (2017). *Nilai-nilai moral dalam cerita-cerita rakyat kaum Bidayuh, Serian* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Rozak, P. (2017). Indikator tawadhu dalam keseharian. *Madaniyah*, 7(1), 174-187.
- Selamat, J. H. (2009). Aplikasi teori pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut menerusi pendekatan dakwah. *Jurnal personalia pelajar*.
- Selamat, J. H. (2012). Analisis Nilai Murni Dalam Seteguh Karang. *ATAVISME*, 15(2), 197-208.

- Sudarmanto, B. A. (2018, July). Paradigma Kultural Masyarakat Durkheimian Dalam Cerita Rakyat Langkuse Dan Putri Rambut Putih (Sebuah Pendekatan Sosiologi Sastra). In *PROSIDING SEMINAR NASIONAL PROGRAM PASCASARJANA UNIVERSITAS PGRI PALEMBANG* (Vol. 5, No. 05).
- Ya, C. A. C. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 328-342.
- Yaacob, M. F. B. C., & Adnan, T. S. N. S. T. (2020). Akal Budi Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*.
- Yaacob, M. F. B. C., & Hanafiah, M. N. A. H. M. (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya Dan Khalayak. *Jurnal Melayu*.
- Yaacob, M. F. C. (2015). *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (Doctoral Dissertation, Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia).
- Yaacob, M. F. C. (2015). *Nilai-Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (Doctoral Dissertation, Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia).
- Yaacob, M. F. C. (2021). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang. *Jurnal Pertanian Mahawangsa*, 8(1).
- Yaacob, M. F. C. (2021). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Cik Siti Wan Kembang. *Jurnal Pertanian Mahawangsa*, 8(1).
- Yaacob, M. F. C. (2022). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Legenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *Kajian Malaysia: Journal Of Malaysian Studies*, 40(1).
- Yaacob, M. F. C. (2022). Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Legenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *Kajian Malaysia: Journal Of Malaysian Studies*, 40(1).
- Yaacob, M. F. C., & Abd Rahim, N. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal Of Business And Social Development*, 2(2), 74-85.
- Yaacob, M. F. C., & Abd Rahim, N. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal Of Business And Social Development*.

- Yaacob, M. F. C., & Abdillah, N. (2016). Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 5(2).
- Yaacob, M. F. C., Abdillah, N., Ghani, M. I. A., Shaharuddin, S. N., & Apandi, S. N. A. M. (2017). Cerminan Moral Positif Dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics*.
- Zakaria, A. (2020). Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih. *Jurnal Ipda*, 26(1), 203-211.
- Zakeria, S. Z., & Affendi, N. R. N. M. (2014). Konflik Dalam Cerita Rakyat Dan Kesannya Kepada Kanak- Kanak. *Pendeta*, 5, 185-206.
- Zikri Wiguna, M., & Alimin, A. A. (2018). Analisis Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita Rakyat Kalimantan Barat. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 7(1), 143-158.

Lampiran

Soalan yang diajukan kepada responden

Bil	Soalan yang diajukan kepada responden
1.	Apakah nilai-nilai moral yang diterapkan dalam peristiwa legenda Bukit Bagahak?
2.	Siapakah yang terlibat dalam peristiwa yang berlaku di Bukit Bagahak?
3.	Apakah tindakan yang dilakukan oleh ketua yang mengetuai dalam peristiwa legenda Bukit Bagahak?
4.	Mengapakah berlaku ancaman peperangan dalam legenda Bukit Bagahak?
5.	Bagaimanakah amalan semangat perjuangan diterapkan dalam legenda Bukit Bagahak?
6.	Bagaimanakah sifat moral yang ditonjolkan oleh watak-watak dalam peristiwa legenda Bukit Bagahak?
7.	Bagaimanakah penduduk daerah Tungku mengetahui nilai-nilai moral yang terdapat dalam legenda Bukit Bagahak?

Lampiran

Cerita 1:

Penduduk kampung Bagahak tetap ada di belakang ketua dorang ni yang namanya si Lamugong, sebab masa si Lamugong suruh pengikutnya tu lari bawa anak bini dorang untuk betapak ke tempat yang lebih selamat tetap ditentang oleh pengikutnyalah. Ermmm... lepastu ada satu orang pemuda dia cakap sama ketua dorang si Lamugong, macam dia cakap tu, ahh... kenapa konon dorang ni di suruh betapak dan melarikan diri sedangkan si Lamugong berjuang mati-matian untuk jaga perkampungan dorang. Jadi konon biarlah dorang tu sama-sama berjuang dan bantu si Lamugong biarpun konon, ketua dorang dalam keadaan susah dorang ni tetap ada di sisi ketua doranglah.

(dialek Sabah)

(Mokhtar bin Butti 2022 ; 2:00 p.m)

Penduduk di perkampungan Bagahak tetap bersama di samping ketua mereka yang bernama Lamugong. Walaupun ketua mereka menyuruh pengikutnya untuk menyelamatkan diri bersama-sama anak dan isteri mereka ke tempat yang lebih selamat tetap ditentang oleh pengikutnya. Seorang pemuda telah bersuara kepada ketua mereka iaitu Lamugong, pemuda tersebut berkata mengapa mereka diarahkan bersembunyi dan melarikan diri sedangkan ketua mereka berjuang mati-matian untuk menjaga perkampungan mereka. Jadi mereka bersepakat untuk bersama-sama berjuang dan membantu si Lamugong walaupun ketua mereka dalam keadaan susah, mereka tetap ada di sisi ketua mereka

(Dialek Bahasa Melayu baku)

Cerita 2:

10 orang pemuda kampung Bulud Sung disuruh oleh ketua dorang si Lamugong pada masa itu untuk saling bantu antara satu sama lainlah, untuk dorang merintis jalan pintas yang tebal oleh semak samun. Sebab konon dorang ni mahu pindah pigi tempat yang lebih selamat. Ada yang mengasah parang untuk lebih tajam, ada yang melukis peta jalan yang mana dorang perlu limpas di semak samun yang tebal di kampung dorang.

(Dialek Sabah)

(Mokhtar bin Butti, 2022 ; 2:00 p.m)

Lamugong telah mengarahkan 10 orang pemuda di kampung Bulud Sung untuk mencantas jalan pintas yang dipenuhi semak samun untuk mereka berpindah ke tempat yang lebih selamat. 10 orang pemuda ini telah bahagikan tugas masing-masing, ada yang mengasah parang untuk lebih tajam, ada juga yang melukis peta jalan pintas untuk mereka lalui di semak samun yang tebal di kawasan perkampungan mereka.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 3:

Ada berapa orang anak gadis macam usia kamu ni yang ringan tulanglah bantu isteri-isteri penduduk kampung di kampung Bulud Sung tu, ada yang tolong ibu-ibu urus anak dorang, macam dijaga masa tidur, ada juga yang tolong untuk kasih masuk padi yang berhamburan di tanah tu ke dalam karung sebab dorang mau pindah ke tempat lain kan.

(Dialek Sabah)

(Mokhtar bin Butti 2022 ; 2:00 p.m)

Pada ketika itu, beberapa orang gadis sangat ringan tulang untuk membantu isteri-isteri penduduk kampung di kampung Bulud Sung tersebut kerana, sesetengah gadis membantu untuk menguruskan keperluan anak mereka. Sebagai contohnya, mereka menjaga bayi kanak-kanak semasa tidur. Selain itu, beberapa orang lagi membantu memasukkan butir padi yang bertaburan di tanah untuk dimasukkan ke dalam guni kerana mereka ingin berpindah ke tempat lain.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 4:

Ketua mereka si Lamugong sudah pilih bah satu bukit yang curam konon untuk dorang boleh nampak kalau sagai tu datang limpas sungai yang dekat dengan bukit disitu, lepastu si Lamugong ada suruh berapa orang jugak macam lelaki yang sudah hebat dengan jalan dalam kawasan di situ untuk turun pigi bawahlah untuk tengok kalau kawasan baru yang dorang tinggal tu boleh di nampak dari bawah dengan teranglah.

(Dialek Sabah)

(Mokhtar bin Butti, 2022 ; 2:00 p.m)

Ketua penduduk kampung Bulud Sung yang bernama Lamugong telah memilih sebuah bukit yang agak curam untuk memudahkan mereka melihat sekiranya sagai atau dikenali sebagai pengait kepala datang ke perkampungan baharu mereka melalui sungai yang berdekatan dengan bukit tersebut. Beliau mengarahkan beberapa orang lelaki yang telah mahir dengan kawasan tersebut untuk melihat dan meninjau sekiranya kawasan baharu yang mereka diami boleh dilihat dengan jelas melalui pandangan dari bawah.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 5:

Si Lamugong ni hebat bah, sebab dia ni kan punya fikiran yan tajam dia bagitau sama pengikutnya kalau dorang ni mesti pasang perangkap untuk kasih kalah kumpulan sagai tu. Jadi ceritanya begini konon, pengikutnya ni pun pasanglah perangkap yang dorang buat guna kayu balak lepastu diikat sama rotan manau tu satu kali sama tiang belian lepastu digantung di pokok besar. Ada kan pokok kalau kita turun bukit tepi jalan tu nampak nah disitulah tu. Banyak konon perangkap dorang pasang di tempat tu. Jadi masa kumpulan sagai datang serang kawasan si Lamugong, kumpulan sagai tu termasuk pigi dalam perangkap dorang bah, nah sebab tebing yang dorang panjat tu ada perangkap tu jadi semua jatuh dan ada juga yang cedera mati.

(Dialek Sabah)

(Mokhtar bin Butti, 2022 ; 2:00 p.m)

Lamugong mempunyai fikiran yang cerdas, beliau memberitahu kepada pengikutnya bahawa mereka perlu memasang perangkap untuk mengalahkan kumpulan sagai yang dikenali sebagai pengait kepala. Lamugong dan pengikutnya telah memasang perangkap yang dihasilkan daripada kayu balak yang diikat dengan rotan manau pada tiang belian. Selepas itu, mereka menggantung perangkap tersebut di pokok yang besar. Pokok besar tersebut boleh dilihat apabila menuruni bukit yang berdekatan dengan jalan raya di kawasan tersebut. Perangkap yang mereka buat di pasang pada setiap kawasan bukit yang mereka tinggal. Semasa kumpulan sagai cuba untuk menyerang kawasan mereka, kumpulan sagai tersebut telah termasuk ke dalam perangkap mereka, kerana tebing yang dipanjat oleh kumpulan sagai mempunyai perangkap. Kumpulan sagai pun terjatuh dan ada juga yang cedera serta meninggal dunia.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 6:

Dia cakap sama pengikutnya tu konon yang dia anggap diorang tu semua saudaralah, sebab dia macam ndamau pengikutnya ada yang dengki satu sama lain ba. Si Lamugong ni sayang penduduk kampungnya macam adik beradik sudah.

(Dialek Sabah)

(Almaidah binti Bullang, 2022; 10:00 a.m)

Dia berkata kepada pengikutnya bahawa dia menganggap mereka semua bersaudara, kerana dia tidak mahu ada di antara pengikutnya yang dengki antara satu sama lain. Lamugong sangat menyayangi penduduk kampungnya seperti adik beradik kandung.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 7:

Lamugong ni sempat cakap sama penduduk kampungnya, yang dia pernah sampai di satu tempat yang cantik tapi ndada lagi orang tinggal di situ. Nah tapi untuk dorang sampai pergi tempat tu mesti naik rakitlah sebab macam mau seberang sungai yang dalam tu. Kata si Lamugong tempat yang dia nampak tu selamatlah sebab jauh dari kampung dorang ni. Semua penduduk kampung setuju dengan pendapat ketua dorang sebab kampung dorang di Bulud Sung tu musnah sudah.

(Dialek Sabah)

(Mokhtar bin Butti, 2022 ; 2:00 p.m)

Lamugong berkata kepada penduduk kampungnya, bahawa beliau pernah sampai di suatu tempat yang cantik tapi tidak ada orang yang tinggal di kawasan tersebut. Tapi untuk mereka sampai di kawasan baharu itu, mereka perlu menggunakan rakit disebabkan perlu mneyeberang sungai yang dalam. Lamugong juga berkata tempat yang beliau nampak juga merupakan tempat yang selamat disebabkan jauh daripada perkampungan mereka. Semua penduduk kampung bersetuju dengan cadangan ketua mereka disebabkan perkampungan Bulud Sung mereka juga telah musnah.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 8:

Masa sagai tu jatuh sama ada yang juga mati sebab perangkap diorang tu kan, diorang Lamugong sama pengikutnya sujud syukur dan ucap syukur sama tuhan.

(Dialek Sabah)

(Mokhtar bin Butti, 2022; 2:00 p.m)

Semasa pengait kepala terjatuh dan ada yang meninggal dunia disebabkan perangkap yang mereka pasang. Lamugong dan pengikutnya sujud syukur dan mengucap alhamdulillah kepada Allah SWT.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 9:

Ada isteri yang mengandung ba jadi tinggal berapa hari lagi konon tunggu hari. Sudahlah lakinya ikut berperang sama sagai tu jadi isterinya lagi terpaksa ikut lari, nda sudah dia macam pikir kandugannya berserah jak dia sama tuhan. Nah masa isterinya besalin tu lakinya teriak bersyukur sebab anak sama isterinya selamat.

(Dialek Sabah)

(Mokhtar bin Butti, 2022; 2:00 p.m)

Ada seorang isteri tengah mengandung dan tinggal beberapa hari sahaja lagi menunggu masa untuk melahirkan. Ketika itu suaminya ikut untuk berperang melawan pengait kepala dan isterinya terpaksa ikut bersembunyi dan lari dari perkampungan tersebut pada masa itu, dia tidak berfikir mengenai kandugannya tetapi hanya berserah kepada tuhan sahaja. Semasa isterinya bersalin suaminya berteriak melafazkan kata syukur kerana isteri dan anaknya selamat.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 10:

Masa yang sagai datang pigi rumah orang kampung diorang sempat ba culik berapa orang perawan untuk macam dibuat bini dorang, jadi ibu-ibu ni kasi halang la anak diorang di culik sampai sanggup diorang la konon jadi tukaran.

(Dialek Sabah)

(Almaidah binti Bullang, 2022; 10:00 a.m)

Semasa pengait kepala datang ke rumah orang kampung, mereka sempat menculik beberapa anak gadis untuk dijadikan isteri mereka. Ketika itu kaum ibu menghalang anak mereka daripada di ambil dan mereka sanggup bertukar dengan anak gadis mereka untuk dijadikan isteri kepada pengait kepala.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 11:

Dia cakap sama pengikutnya tu konon yang dia anggap diorang tu semua saudaralah, sebab dia macam ndamau pengikutnya ada yang dengki satu sama lain ba. Si Lamugong ni sayang penduduk kampungnya macam adik beradik sudah.

(Dialek Sabah)

(Almaidah binti Bullang, 2022; 10:00 a.m)

Lamugong berkata kepada pengikutnya bahawa dia menganggap mereka semua bersaudara, kerana dia tidak mahu pengikutnya ada yang dengki antara satu sama lain kerana dia menyayangi semua penduduk kampungnya seperti adik beradik sendiri.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 12:

Suku iranun ni yang ketuanya di panggil Datu Kabugatan dan Datu Kasilan menolong sama diorang si Lamugong sebab pernah ada perjanjian ba kalau kampung diorang si Lamugong di serang diorang suku Iranun ni akan tolong.

(Dialek Sabah)

(Mokhtar bin Butti, 2022; 9:00 a.m)

Suku kaum Iranun mempunyai ketua yang dikenali sebagai Datu Kabugatan dan Datu Kasilan telah membantu Lamugong disebabkan mereka pernah berjanji sekiranya perkampungan si Lamugong di serang oleh kumpulan pengait kepala mereka akan membantu.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 13:

Masa sagai tu banyak mati oleh suku Iranun, si Lamugong ni peluk kawannya dua orang tu sampai dia besumpah yang suku Iranun ni bersaudara sampai tujuh keturunan dengan penduduk kampung Bagahak.

(Dialek Sabah)

(Indah binti Yusuf, 2022; 9:00 a.m)

Semasa banyak kumpulan pengait kepala yang telah mati oleh suku kaum Iranun, Lamugong memeluk kedua-dua kawanya tersebut dan dia bersumpah bahawa suku kaum Iranun akan bersaudara dengan penduduk Kampung Bagahak sehingga tujuh keturunan.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 14:

Benda yang bagus kan dalam ketua diorang ni, baik hati ba dia nda berkira sama pengikutnya. Macam konon Lamugong masa ada anak-anak kecil datang sama dia tu minta makanan yang dia makan, sanggup ba dia bagi padahal dia pun lapar jugak.

(Dialek Sabah)

(Almaidah binti Bullang, 2022; 10:00 a.m)

Lamugong merupakan ketua yang baik hati kerana tidak berkira terhadap pengikutnya. Semasa ada kanak-kanak datang ke arah Lamugong meminta makanan, Lamugong memberikan makanan tersebut walaupun ketika itu dia juga lapar.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 15:

Si Lamugong punya perangai ni sanggup tidur sama-sama penduduk kampung di atas tanah yang dilapis sama kain buruk seja. Padahal ada satu macam dibuat tilam ba tapi dari kayu untuk si Lamugong tidur tetap jugak dia ndamau.

(Dialek Sabah)

(Indah binti Yusuf, 2022; 9:00 a.m)

Lamugong mempunyai perangai yang sanggup untuk tidur bersama-sama penduduk kampung iaitu diatas tanah yang hanya beralas kain buruk sahaja. Walaupun ketika itu, penduduk kampung telah menghasilkan sebuah tilam yang diperbuat daripada kayu tetapi Lamugong tetap tidak mahu tidur di tempat tersebut.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 16:

Lamugong ni ada isteri ba jadi masa diorang betapak pigi hutan, isterinya ni sama-sama menolong kaum perempuan di situ, padahal perempuan disitu macam nda suruh dia menolong sebab dia kan isteri bos diorang.

(Dialek Sabah)

(Almaidah binti Bullang, 2022; 10:00 a.m)

Lamugong mempunyai seorang isteri yang sanggup membantu kaum wanita semasa mereka bersembunyi di dalam hutan. Wanita di situ tidak menyuruh isteri Lamugong untuk membantu kerana mereka menganggap dia isteri kepada ketua mereka

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 17:

Penduduk kampung Bagahak memang semua rapat sebab masa diorang di serang oleh sagai tu ndda pun macam diorang kasih tinggal orang kampung diorang, sebab diorang ni dari lahir memang sudah hidup sama-sama ba.

(Dialek Sabah)

(Indah binti Yusuf, 2022; 9:00 a.m)

Penduduk perkampungan Bagahak mempunyai hubungan yang rapat kerana semasa mereka di serang oleh pengait kepala, mereka tidak mementingkan diri dan tidak meninggalkan penduduk kampung mereka yang lain kerana dari lahir lagi mereka telah hidup bersama-sama.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 18:

Suku Iranun sama suku Begak ni memang rapat dari dulu lagi sampai sekaranglah kampung kita dekat seja kan. Jadi masa kampung diorang Lamugong di serang, suku Iranunlah yang menolong ba dari sagai tu sebab suku Begak ni nda pernah begaduh sama suku Iranun lagipun Datu Kabugatan tu kawan si Lamugong.

(Dialek Sabah)

(Indah binti Yusuf, 2022; 9:00 a.m)

Suku Iranun dan suku Begak memang rapat sejak dulu lagi sehingga sekarang kerana perkampungan mereka yang berdekatan sahaja. Semasa kampung Lamugong di serang, suku Iranun yang membantu mereka dari serangan pengait kepala. Suku Begak tidak pernah bergaduh dengan suku Iranun dan Datu Kabugatan merupakan kawan Lamugong.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)

Cerita 19:

Masa kampung Bulud Sung di serang oleh sagai tu. Lamugong sama pengikutnya ni bertapak sampai subuh begitulah. Sebab konon di kampung dorang tu sagai masih ada sampai tengah malam. Jadi lepas sudah ndada sagai tu, dorang keluar dari tempat persembunyian dorang. Si Lamugong pun panggillah pengikutnya tu macam berkumpul untuk berbincang. Ada satu orang pemuda ni dia macam cadang konon supaya dorang ni berundur dari kampung dorang untuk masuk ke dalam hutan. Jadi ceritanya si Lamugong sama penduduk lain setuju dengan cadangan pemuda tu.

(Dialek Sabah)

(Mokhtar bin Butti, 2022 ; 2:00 p.m)

Semasa kampung Bulud Sung telah di serang oleh kumpulan pengait kepala. Lamugong dan pengikutnya bersembunyi sehingga subuh kerana di kampung mereka pengait kepala masih ada sehingga tengah malam. Selepas kumpulan pengait kepala telah beredar, mereka keluar dari tempat persembunyian. Lamugong memanggil pengikutnya untuk mereka berbincang. Ada seorang pemuda mencadangkan supaya mereka berundur dari kampung dan masuk ke dalam hutan. Semua penduduk kampung dan Lamugong bersetuju dengan cadangan pemuda tersebut.

(Dialek Bahasa Melayu Baku)